# ABUYA SYEIKH IMAM ASHAARI MUHAMMAD



كاسيه سايڠ كونچي ڤرڤادوان سجاڬت

# *Kasih Sayang*

## KUNCI PERPADUAN SEJAGAT

**DISUSUN OLEH USTAZAH KHADIJAH AAM**

# *Kasih Sayang*

*KUNCI*
*PERPADUAN*
*SEJAGAT*

# Kasih Sayang
## KUNCI PERPADUAN SEJAGAT

ABUYA SYEIKH IMAM
ASHAARI MUHAMMAD

ASOIB INTERNATIONAL LTD
KUALA LUMF'UR • LONDON
1994

KASM SAYANG KUNCI PERPADUAN SElAGAT
Cetakan Pertama April 1994



***Diterbitkan oleh***
Penerbitan Hiimah
163-A, Jalan Aminuddin Baki, Taman Tun Dr Ismail,
60CCIO Kuala Lumpur

***dengan*** irin
Asoib International Limited
Suite 1, 281, City Road, London EClV ILA
***sebuah syarikat di bawah***
Al-Arqam Group of Companies




***Lavout dan Rekabentuk Kulit***
B'ahagian Penerbitan Media
Al Arqam Group of Companies, Kuala Lumpur

***Muka Taip tekx***
Times Roman, 11113 pain

***Dicetak oleh***
KC Enterprise, Taman Seri Petaling,
Kuala Lumpur.

ISBN 983-810-024-2

# Kasih Sayang

*Setiap manusia merindukan kasih sayang*
*ia adalah fitrah semulajadi*
*menginginkan hidup yang harmoni*
*itulah kebahagiaan yang dicari*

*Setiap insan inginkan pembelaan*
*inginkan perlindungan dan dihormati*
*hak asasi jangan dicabuli*
*setiap yang bersalah hendaklah diadili*

*Bertolak ansur di dalam kehidupan*
*di antara rukun bermasyarakat*
*berjikir dan bermuafakat*
*agar kehidupan bennasyarakat menjadi berkat*

*Di mana, oh di mana*
*ini semua diperolehi*
*Keinginan fitrah manusia sudah punah*
*harapan manusia musnah sama sekali*
*lantaran hati hitam dengan mazmumah*

*Di sana sini, huru hara dengan krisis*
*peperangan, mengamuk, harta musnah, manusia mati*
*kemiskinan dan kemelaratan terbiar sendiri*
*pembesar, si kaya bermaharajalela*

*Di mana, oh di mana*
*ini semua diperolehi*
*Tuhan, Engkau saja, harapan kami ini*
*Engkau pelindung sejati, Engkau pembela kami*
*Engkaulah penyelesai masalah kami.*

ABUYA SYEIKH IMAM ASHAARI MUHAMMAD AT TAMIMI

# -**Dari** *Penerbit*

S E J A K  S E K I A N  L A M A, dunia telah ketandusan kasih sayang dan ini mengakibatkan berlakunya beberapa siri perang dunia, perang antara negara dan perang saudara. Hatta dalam sebuah rumahtangga, institusi yang sepatutnya menjadi tapak mula menyubur kasih sayang, sering tercetus 'peperangan' antara suami dengan isteri dan antara ibu bapa dengan anak-anak.

Oleh kerana sudah terlalu lama manusia tidak mengecap n&mat kasih sayang, mereka jadi lali dan tidak menganggap itu sebagai masalah. Sedangkan kasih sayang adalah l3rah semulajadi yang tidak dapat tidak mesti diisi. Akibatnya keharmonian dan kebahagiaan kian hari kian pupus dari dunia sama ada disedari atau tidak oleh manusia.

Ada yang nampak masalah ini dan mahu menanganinya, tetapi tidak tahu puncanya dan bagaimana menyelesaikannya. Al hasil, mereka hanya mengubat akibat-akibat (symptoms), bukan pada punca kehilangan kasih sayang itu. Tegasnya, manusia sejagat sudah kehilangan kunci untuk

membuka pintu kasih sayang yang sudah tertutup beratus-ratus tahun lamanya.

Buku ini membawa satu formula yang jelas ke arah mewujudkan semula kasih sayang pada diri semua manusia tidak kira apa bangsa, agama dan warna kulit. Abuya Syeikh Imam Ashaari At Tamirni melalui bukunya yang ke-62 ini telah membawa mesej ummah kepada manusia sejagat. Tidak sekadar itu sahaja malah beliau telah mengetengahkan satu model masyarakat berkasih sayang melalui jemaah Darul Arqam yang dipimpinnya sejak 26 tahun lalu.

Justeru itu apa yang diketengahkan dalam buku ini bukanlah andaian, falsafah atau teori kosong tetapi merupakan minda yang telah dilaksanakan dalam realiti kehidupan. Pendekatan beliau ini sangat berbeza dari apa yang dilakukan oleh pemimpin, penulis, pengkaji masyarakat dan pakar psikologi yang memperkatakan kasih sayang sebelumnya.

Buku ini mesti diambil perhatian serius oleh semua pihak kerana pendekatannya benar-benar menyentuh hingga kebenarannya akan diakui oleh fitrah dalaman pembaca, kecuali mereka yang prejudis dan berkepentingan.

# —*Prakata*—

الحمد لله رب العالمين الذي هدانا الى الصراط المستقيم
بأن لا نكون من الضالين والصلاة والسلام على الرسول
الكريم الذي أبان لنا السبيل القويم وعلى آله وأصحابه
ومن تبعهم بإحسان الى يوم الدين

MENGAPA DUNIA hari ini begini sifat dan keadaannya? Mengapa penghuninya berbeza dan berpecah-pecah kepada berbagai-bagai kelompok bangsa, negara, agama, bahasa, budaya, wama kulit dan taraf hidup? Sedangkan semuanya adalah manusia. Berasal daripada Adam dan Hawa. Mengapa manusia ini tidak berada dalam keadaan berbaik-baik, berkenal-kenal, berhubungan, mempunyai rasa bersama, bekerjasama, bersatu dan hidup bagaikan saudara? Sedangkan perasaan dan keperluan mereka adalah sama.

Mengapa hubungan antara benua dengan benua dipisabkan oleh jurang yang cukup besar? Hinggakan hubungan putus sama sekali. Bahkan penuh ketegangan, curiga-mencurigai, krisis dan peperangan? Mengapa antara negara dengan negara ada sempadan besi yang memutuskan hubungan dan sulit bagi penduduknya untuk saling ziarah-menziarahi. Bahkan negara yang berjiran pun saling tidak kenal-mengenal, bersengketa dan bermasalah. Hinggakan rakyat antara dua negara yang

berjiran saling tidak tahu-menahu bahawa mereka punya jiran yang ramai, yang juga manusia seperti mereka.

Dan mengapa dalam satu negara pun manusia tidak merasa seperti berada dalam satu keluarga besar? Sedangkan pemimpinnya adalah satu dan negara itu milik bersama. Bahkan sesetengah negara mempunyai bangsa, budaya, agama dan bahasa yang sama. Ke manakah hilangnya rasa bersama dan sikap bekerjasama? Hingga hiduplah manusia nafsi-nafsi tanpa mempedulikan dan tanpa ambil tahu tentang saudara senegara yang lain. Demikianlah manusia kehilangan panduan untuk membentuk hidup yang bersatu padu, saling bekerjasama, tolong-menolong demi kesempumaan dan keperluan hidup bersama di antara benua-benua, negara-negara dan individu-individu. Supaya masyarakat manusia terbeza daripada masyarakat haiwan dan tumbuhan, dapat hidup penuh harmoni dan bahagia, mengecapi keselamatan dan keamanan sejagat!

Saya melihat pentingnya persoalan ini untuk ditangani serta diberi jawapan yang tepat dan praktikal. Dunia hari ini kalau diibaratkan sebuah rumah besar, dengan seorang ketua dan ahli-ahli keluarga yang ramai, adalah sebuah rumah yang sedang berada dalam keadaan kronik sekali. Ketuanya tidak tahu hendak kontrol ahli-ahli keluarga yang masing-masing tidak boleh diatur dan didisiplinkan serta tidak boleh ditegur. Suasana sentiasa tegang, penuh dengan krisis, pergaduhan dan perebutan. Masing-masing hidup nafsi-nafsi dan benci-membenci. Tinggal bersama tetapi tiada rasa keindahan, keselamatan, keamanan dan kebahagiaan sebagai sebuah keluarga.

Bagaimanakah caranya untuk menyelamatkan keadaan ini? Kalau tidak diselamatkan, dunia akan hancur, manusia akan hilang kemanusiaan dan hidup bagaikan di dalam Neraka! Neraka yang dicipta oleh tangan manusia sendiri.

.Saya melihat ada satu anak kunci yang boleh mengungkai dan mengurangkan kekusutan ini. Iaitu kasih sayang. Manusia walau apa bangsa, bahasa, agama dan warna kulit sekalipun serta walau di mana saja dia berada, dengan berbagai taraf

kedudukannya di tengah masyarakat, dia dilahirkan dengan sifat ingin dikasihi dan suka berkasih sayang. Kalau seseorang terasa diberi kasih sayang oleh orang lain, sekalipun orang itu bukan sebangsa dan seagama dengannya, dia akan suka, jatuh hati dan jinak dengan orang tersebut. Seorang pemimpin yang sedang mengganas, kalau disiram dengan kasih sayang oleh rakyat atau pengikutnya, akan jadi jinak dan lunak. Seorang ayah yang liar, kalau diberi kasih sayang oleh anak-anak, akan malu dan jinak serta berlemah-lembut.

Demikian rahsia manusia ini. Lahir bersama hati yang ingin dikasihi. Inilah yang dikatakan fitrah semulajadi. Kasih sayang akan mendekatkan benua dengan benua, negara dengan negara dan mengikat manusia menjadi bersaudara sekalipun berlainan bahasa, bangsa, agama, budaya, warna kulit, berlainan kedudukan dan lain-lain lagi.

Rasa ingin dikasihi dan cetusan kasih sayang yang sedemikian, yang ada dalam hati setiap makhluk yang dipanggil manusia ini, adalah rasa yang dibekal dan dianugerahkan oleh ALLAH sejak seseorang itu dilahirkan.

ALLAH yang mencipta dan melahirkan manusia ke dunia, telah membekalkan kepada setiap manusia rasa kasih sayang tanpa perlu mempelajarinya, tanpa meminta dan tanpa diusahakan. Ia wujud seelok wujudnya manusia itu. Ia disebut rasa fitrah. Yakni sifat semulajadi. Semua manusia memilikinya, sama ada lelaki atau perempuan, pemimpin atau pengikut, ibu bapa atau anak-anak, suami atau isteri, guru atau murid, tidak kira apa bangsa atau agama sekalipun.

Melalui rasa inginkan kasih sayang ini, manusia hakikatnya adalah sama dan satu. Rasa ingin disayangi itu adalah rasa sejagat. Ia meletakkan manusia sebaris dan tiada perbezaan. Jalinan rasa ini, kalau berlaku di antara sesama manusia, membuatkan manusia berpadu dan bertimbang rasa. Dan ia sepatutnya berlaku begitu kerana ia merupakan tuntutan dan keperluan setiap jiwa. Ia adalah hak asasi batiniah manusia yang wajib ditunaikan. Tiada manusia yang tidak memerlu-

kannya. Tanpanya, manusia akan hilang bahagia.

Anak-anak hilang bahagia kalau tidak mendapat kasih sayang dari ibu bapa. Demikian juga ibu bapa akan menderita kalau anak-anak tidak sayang pada mereka. Murid-murid tidak bahagia kalau guru tidak memberi kasih sayang. Sebaliknya guru menderita kalau murid-murid tidak menyayanginya. Isteri menderita kalau tidak disayangi suami. Suami menderita kalau isteri tidak sayang padanya.

Seterusnya, pemimpin ingin disayangi, begitu juga pengikut. Kawan ingin dikasihi, demikian sebaliknya. Pendeknya manusia ini, walau siapa pun dia, mengharap orang lain mengasihinya. Dia jadi bahagia kalau disayangi. Sebaliknya dia jadi hampa dan kekosongan jiwa kalau orang tidak mengasihinya.

Tapi malang sekali nasib manusia ini, kerana mereka telah tidak memperolehi apa yang diingini dan diperlukan selama ini. Suami yang ingin dikasihi tidak mendapat kasih sayang dari isteri. Demikian juga isteri tidak mendapat kasih suami, kerana suami dan isteri sama-sama tidak pandai memberi kasih walaupun kedua-dua mereka mengharapkan kasih antara satu sama lain. Inilah penyakit manusia sedunia, yang menyebabkan mereka hidup dalam keadaan gelisah, tegang, emosional dan kecewa hingga ada yang bunuh diri.

Sekalipun dia orang kaya atau banyak ilmunya atau berpangkat tinggi, manusia mengharap dia dikasihi tapi dia sendiri tidak pandai mengasihi orang lain hingga kerana itu dia pun tidak dikasihi. Bila seseorang itu melakukan sesuatu yang membuatkan orang lain rasa tersinggung maka kesan-nya orang lain juga turut tersinggung, hilang rasa simpati dan tidak menghargainya. Maka melarat-laratlah saling rasa sakit hati dan benci-membenci. Hingga akhirnya, kasih sayang lenyap sama sekali.

Begitulah keadaan dunia kini. Manusia hidup bersama dalam satu masyarakat tapi saling bersengketa, benci-membenci tanpa kasih sayang. Alangkah sepinya hidup ini dan alangkah sakitnya! Bagaimanakah penyelesaiannya? Di manakah hendak di-

cari jalan keluar?

Saya akan cuba dengan izin ALLAH untuk menggariskan langkah-langkah praktikal yang boleh digunakan dalam membet-i dan mendapatkan kasih sayang antara manusia-manusia ini, tidak kira apa bangsa sekalipun. Moga-moga dengan itu kehidupan kita jadi indah, aman, selamat dan bahagia. Dan akan tercetus perpaduan sejagat di dunia ini. Yakni bila manusia dari semua bangsa dan dari berbagai darjat, pandai memberi dan mendapatkan kasih sayang, insya-ALLAH.

Ya ALLAH, izinkanlah usahaku ini, demi menyelamatkan dunia seperti yang Dikau perintahkan. Moga kami hamba-Mu di akhir zaman diberi peluang mengecapi kenikmatan hidup sepertimana manusia di awal zaman memperolehinya.

Pahala dari ibadah ini kiranya ada wahai Tuhan, adalah untuk semua yang telah berjasa padaku. Dan tidak lupa juga untuk ibu ayahku serta guru-guruku, khususnya **Nabi Muhammad SAW** dan **Sayidi Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi,** ***Baqiyatdlah.***

***Al hakir wal faqir,***

ABUYA ASHAARI MUHAMMAD

# —*Muqaddimah*-

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

**SETIAP 0RANG** ingin dikasihi. Kita rasa senang kalau ada orang menyayangi kita dan kita rasa sedih kalau ada orang benci pada kita. Begitulah sifat hati manusia di seluruh dunia walau apa bangsa dan agamanya, lelaki atau perempuan. Itulah yang dikatakan fitrah manusia. Fitrah semulajadi ini tidak boleh dibuang atau tidak akan hilang dari hati manusia. Ia sebahagian dari keperluan hidup manusia yang perlu dilayan dan diisi. Seperti juga keinginan untuk makan dan minum, adalah sifat fitrah yang tidak boleh dibuang tapi mesti dilayan. Kalau tidak dilayan, hidup manusia tidak sempurna dan hilang bahagia.

Melawan rasa fitrah yang bersih ertinya kita menyeksa diri kita sendiri. Seperti orang yang tidak mahu berkahwin, dia telah menentang fitrahnya sendiri; ertinya menyeksa dir-i sendiri. Sebaliknya, mengisi atau melayan fitrah ertinya kita menunaikan tanggungjawab kepada diri sendiri. Maka diri kita akan rasa terisi, puas dan bahagia.

Seseorang yang terasa disayangi oleh orang-orang lain mendapat satu pengisian fitrah yang membuatkan dia rasa tenang dan bahagia. Sebaliknya seorang yang merasa tidak

ada orang yang sayang padanya dan semua orang tidak peduli dan benci padanya, mengalami kekosongan hati dan jiwa, hingga hidup terasa gelap dan tidak berguna. Ia tertekan oleh rasa terhina dan menderita. Hidupnya sepi dan keseorangan di tengah ramai. Hidup tiada erti apa-apa. Dia lebih rela mati. Kalau iman tidak ada, biasanya orang ini ambil keputusan untuk mati yakni bunuh diri.

Ya, sakit jiwa akibat fitrah tidak terisi memungkinkan manusia membunuh diri sendiri atau membunuh diri orang lain. Sedangkan sakit fizikal masih boleh ditanggung dan orang yang sakit itu sanggup bersusah-susah untuk berubat supaya hidupnya bersambung. Hal ini perlu diberi perhatian oleh kita semua, supaya persoalan jiwa atau roh manusia itu dianggap penting untuk diberi pengisian, pendidikan dan kawalan.

Manusia tidak boleh melupakan tanggungjawab memberi makan kepada rohnya. Kerana perlu diketahui bahawa hati itu perlukan penjagaan, makanan, kawalan, hiasan dan lain-lain seperti juga jasad lahir kita. Jangan muka dan badan sahaja dimake-up rapi, tapi roh atau hati terbiar kering dan kosong. Muka kalau terbiar tidaklah ia bertindak. Tapi hati yang kosong akan memberontak dan membuat macam-macam masalah!

Mendapatkan kasih sayang adalah satu keperluan asasi manusia. Bahkan ia adalah hak asasi manusia yang batiniah. Juga satu kepuasan. Kalau manusia tidak diberi keperluan asasi yang lahir seperti makanan, tempat tinggal, pakaian dan lain-lain, dia akan susah tapi kesusahan itu tidak sampai membuatkannya jadi gila, bunuh diri atau bunuh orang lain. Jarang berlaku orang miskin jadi gila atau bunuh diri atau bunuh orang lain. Tapi kalau hak asasi batiniah tidak diperolehi, orang akan miskin batin dan menderita jiwanya. Akibatnya boleh membawa kepada gila atau bunuh diri dan bunuh orang lain.

Paling tidak, kita sering mendengar perihal anak-anak yang tidak dapat perhatian di rumah, melarikan diri. Suami yang tidak terhibur di rumah jadi liar. Isteri yang tidak dikasihi akan jadi manusia yang runsing dan pemarah. Orang miskin yang sakit hati dengan orang kaya akan hasad dengki, mencuri atau membunuh. Dan macam-macam lagi penyakit masyarakat yang timbul akibat jiwa tidak dapat diuruskan.

Kalau manusia terasa dikasihi, yakni keperluannya diperolehi, maka jiwanya terubat dan terisi hingga dia terasa kuat, sihat dan segar. Dia gembira, riang dan bahagia. Dia jadi bertenaga untuk bekerja, belajar, berjuang, bertindak dan sebagainya. Ya, demikianlah kalau jiwa itu kuat; dikuatkan oleh makanan asasi batiniah yang diperolehinya. Ertinya kasih sayang dari orang lain itu adalah makanan jiwa. Ia menguatkan jiwa untuk menggerakkan tenaga lahir bekerja. Jiwa yang kuat akan mendorong dan menggerakkan anggota-anggota ‘manusia supaya bekerja!

Sebaliknya jiwa yang lemah, kerana tidak mendapat makanan asasinya akan lesu, pilu dan sepi. Mudah merajuk, kecewa dan putus asa. Bagaikan belon yang kurang udara di dalamnya, ia jadi kendur, lemah dan tidak bermaya untuk terbang tinggi. Begitulah bila jiwa lemah, ia tidak kuat lagi mendorong fizikal untuk tangkas dan gigih bekerja. Badan jadi sakit, lemah bertindak dan tidak bermaya bila berdepan dengan masalah-masalah hidup!

Untuk melihat persoalan ini secara nyata, mari kita jenguk ke sebuah rumah yang penghuni-penghuninya saling sayang-menyayangi dan bandingkan dengan sebuah rumah lain yang penghuninya tidak berkasih sayang. Berbezakah suasana kehidupan di dalamnya? Jawabnya, tentu sekali berbeza. Rumah yang penuh suasana kasih sayang dihiasi kegembiraan, keriangan dan keindahan, dan setiap ahli keluarga hidup tersusun, berdisiplin dan masing-masing me-

laksanakan tanggungjawab dengan gigih dan berhasil. Kita senang berada di dalam rumab itu.

Sebaliknya rumah yang tiada kasih sayang di dalamnya terlihat berserabut dengan krisis dan pertengkaran, suasananya sepi dan susah, ketiadaan sistem, masing-masing dengan kerja sendiri-sendiri dan tidak bekerjasama membina keluarga bahagia. Kita tidak selesa di dalamnya!

Maka demikianlah juga di dalam pejabat, kilang, di sekolah, di ladang, di kampung, di negeri, negara dan di dunia seluruhnya. Alangkah berbezanya hidup dalam negara yang manusianya berkasih sayang dengan negara yang manusianya benci-membenci!

Oleh itu, sangat penting sekali kita usahakan agar kita disayangi dan sekaligus menyayangi. Kalau kita seorang anak, usahakan kita disayangi oleh ibu bapa. Kalau kita ibu bapa, usahakan anak-anak sayang pada kita. Dengan itu terjadilah dalam rumah, ibu bapa sayang pada anak-anak dan anak-anak sayangkan ibu bapa.

Kalau kita suami, usahakan agar isteri kita sayang pada kita. Kalau kita isteri, usahakan agar disayangi oleh suami. Kalau kita guru sekolah, usahakan agar disayangi murid-murid. Murid-murid pula usahakan agar guru menyayanginya. Pemimpin wajib usahakan agar pengikut kasih padanya. Pengikut pula mesti cari jalan agar pemimpin mengasihinya. Dalam satu kampung atau negeri yang ada masyarakat majmuk, supaya wujud perpaduan dan keamanan nasional, setiap bangsa patut usahakan agar disayangi oleh bangsa lain. Bila ada usaha dari setiap pihak untuk mengisi keperluan fitrah masing-masing secara dua hala, maka masing-masing akan mengecapi kesenangan dan ketenangan hidup. Dari sana akan timbul pula rasa bersama dan sikap bekerjasama. Maka akan terbinalah masyarakat dan tamadun yang selamat dan menyelamatkan, insya-ALLAH.

Masyarakat yang saling berkasih sayang, tentu sekali

akan saling maaf-bermaafan bila terjadi salah dan silap. Kesilapan masing-masing tidak diperpanjangkan, tidak dibesar-besarkan dan tidak menjadi satu masalah. Masing-masing akan bertolak-ansur, boleh berlebih kurang, bahkan sanggup untuk mengutamakan orang lain dari kepentingan sendiri. Krisis dan permusuhan kalaupun berlaku dalam masyarakat, sedikit sekali. Penyakit hasad dengki, jatuh-menjatuhkan, tekan-menekan, tipu-menipu, aniaya-menganiayai, prasangka, pergaduhan, peperangan demi peperangan, insya-ALLAH akan dapat diatasi atau setidak-tidaknya kurang berlaku. Iaitu dengan adanya kasih sayang tadi. Inilah masyarakat aman, makmur dan harmoni yang kita canang-canangkan dan idam-idamkan. Dalan Al Quran, ALLAH menyebut:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ

***Negara yang aman makmur dan mendapat keampunan ALLAH.***

(Saba': 15)

Inilah dunia yang boleh dipanggil Syurga. Yakni **syurga sementara** *(al jannatul 'ajilah).* Kalau manusia berjaya membina syurga di dunia ini, ada harapan baginya untuk mampu mengusahakan Syurga selepas mati nanti. Sebab Syurga di Akhirat sana lebih susah lagi mendapatkannya. Kalau syurga di dunia pun tidak diperolehi, jangan harap hendak dapat Syurga di Akhirat nanti.

Jadi sekarang mari kita fikirkan dan usahakan syurga dunia. Dunia hari ini belum lagi berupa syurga bahkan hampir-hampir menjadi seperti neraka. Dunia dipenuhi cerita perang, pembunuhan, rusuhan, penindasan, penzaliman, kemungkaran dan maksiat.

Kebaikan kurang sekali, kasih sayang hampir tiada, manakala keadilan, keamanan, keselamatan dan kebaha-

giaan pupus. Ini bukan syurga namanya!

Jiwa manusia terseksa kerana tidak diberi makan. Tapi kalau kemiskinan lahir saja yang disusahkan sedangkan kelaparan jiwa tidak diatasi, maka terjadilah kehidupan yang pincang. Lahir dan batin tidak seiring atau sejalan lagi. Pada lahirnya manusia bergaul, bermasyarakat dan saling memerlukan tapi hati masing-masing kosong, pecah-belah dan berburuk sangka, menyimpan dendam, dengki, benci, bakhil dan lain-lain. Di dalam Al Quran ada dinyatakan:

تَحْسَبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ

***Kamu lihat mereka bersatu padu tapi hati mereka berpecah-belah.***

(Al Hasyr: 14)

Jadi manusia bekerja tapi dalam keadaan terpaksa; bergaul dan bermesra secara terpaksa, bertugas secara terpaksa, ikut arahan secara terpaksa. Lahirlah masyarakat yang hidup berpura-pura sebagai akibat daripada sakit jiwa yang telah melanda kehidupan lahiriah manusia. Bilamana manusia bekerja dengan terpaksa, hasilnya akan mengecewakan. Pembangunan dan kejayaan tinggal laungan kosong. Masing-masing memikirkan kepentingan sendiri yang tidak selesai-selesai hingga rakyat dan masyarakat terbiar tanpa perhatian dan pembelaan. Inilah yang sedang terjadi sekarang.

Menyedari hakikat ini, marilah kita semua berjuang dan berkorban untuk membina kembali kehidupan berkasih sayang. Mari kita menungkan mengapa orang tidak sayangkan kita dan kita pun tidak sayangkan orang lain. Mengapa orang marahkan kita dan kita pun marahkan orang lain? Mengapa orang bencikan kita dan kita pun bencikan orang lain?

Bagaimana dan apa yang mesti dilakukan supaya orang sayangkan kita dan kita pun sayangkan mereka! Apa rahsianya supaya kita dapat usahakan agar diri kita disayangi dan menyayangi? Apa dorongan, rangsangan dan harapan terhadap usaha-usaha membina masyarakat berkasih sayang ini?

Moga-moga anda sudi bersama saya hingga ke akhir buku ini untuk kita mengembara mencari jalan-jalan hidup yang mister-i tapi penuh kejayaan. Mungkin kita akan disusahpayahkan demi memperolehi hasilnya, namun relakanlah, kerana pesakit tentu rela dibedah demi memperolehi kesihatan yang diidamkan.

BAB 1

# *Erti Kasih Sayang Sesama Manusia*

**DALAM DIRI** setiap anak Adam, ada Tuhan bekalkan berbagai-bagai jenis perasaan. Perasaan-perasaan ini bersifat batiniah dan tempatnya di dalam hati. Yakni di dalam roh. Salah satu daripada perasaan itu ialah rasa kasih sayang.

Apakah definisi rasa kasih sayang? Rasa kasih sayang ialah cenderung dan tertariknya hati seseorang secara mendalam kepada seseorang yang lain. Atau kepada selain manusia yakni benda-benda dan makhluk-makhluk lain. Atau hati manusia juga boleh jatuh cinta kepada ALLAH tapi ini jarang berlaku.

Di sini kita hendak mengkhususkan tentang kasih sayang sesama manusia. Sebab ianya utama dan penting pada manusia itu sendiri selain mereka mesti cintakan ALLAH yang memang lebih utama dan agung. Jadi fokus utama buku ini, untuk dihuraikan secara lebih luas ialah tentang cinta sesama manusia.

Berlakunya kasih sayang atau kecenderungan hati yang mendalam oleh seseorang kepada seseorang yang lain ada sebab-sebabnya. Iaitu kerana ada daya tarikan yang menyenangkan dan menenangkan hatinya. Daya tarikan itu ada berbagai-bagai. Ada yang bersifat semulajadi dan ada yang bersifat 'aradhi' (mendatang).

Di antara perkara-perkara yang menarik hati manusia kepada manusia lain ialah kecantikan, ilmu, kepimpinan, jasa, hubungan darah, kekuatan, akhlak dan lain-lain. Kerana faktor-faktor inilah manusia tertarik dengan manusia yang lain. Maka tumbuhlah rasa kasih sayang sedikit demi sedikit hingga mendalam. Bila rasa itu kian mendalam, ia disebut cinta. Bila cinta sudah mendalam, seseorang itu akan jadi asyik mahsyuk atau mabuk cinta. Ada orang, kerana tidak boleh lagi kontrol cintanya, terus menjadi gila.

Dengan perasaan kasih sayang, seseorang akan menumpukan perhatian, perasaan dan jiwa raganya kepada orang yang disayanginya. Bermacam-macam pengorbanan akan dibuat terhadap kecintaannya. Tidak ada rasa susah padanya dalam usaha-usaha dan pengorbanan itu, walaupun orang lain melihatnya susah sekali dan keterlaluan. Seorang wanita sanggup lari meninggalkan keluarga demi cinta kepada lelaki calon suaminya. Dia rela menghadapi risiko dihina dan dibenci oleh keluarga dan masyarakat.

Sebagaimana sebab-sebab tumbuhnya kasih sayang itupun berbagai-bagai maka sifat dan kesan kasih itu juga berbeza-beza. Bergantunglah kepada siapa dan mengapa kasih itu tumbuh. Kasih kepada ibu bapa tidak sama dengan kasih pada isteri-isteri. Kasih kepada anak-anak tidak sama dengan kasih pada kawan. Kasih pada guru tidak sama dengan kasih pada saudara-mara. Kasih pada pemimpin tidak sama dengan kasih pada pengikut. Kasih pada bangsa tidak sama dengan kasih pada harta. Kasih pada agama tidak sama dengan kasih kepada bangsa. Maha Suci ALLAH yang menciptakan dalam ruang seketul hati yang sempit itu rasa kasih yang berbagai sifat dan rupanya!

Akibat berbeza sifat dan rupanya, maka berbeza pula kesan dan akibat kasih itu. Ada kasih sayang yang kekal dan bertambah di dalam hati. Ia tidak diganggu atau dicacatkan oleh rasa jemu dan hambar kecuali dengan sebab-

sebab yang tidak dapat dielakkan. Namun ada kasih sayang yang dirosakkan oleh rasa jemu dan benci. Maka ia tidak kekal bahkan berkurang dan mungkin hilang.

Kasih pada pemimpin membuatkan seseorang pengikut menyerahkan ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bagi. Kasih pada pengikut membuatkan seseorang pemimpin berkorban memberi khidmat dan kasih sayang tanpa sebarang kepentingan dan rasa letih serta jemu.

Kasih kepada isteri membuatkan suami bersifat bertanggungjawab. Manakala kasih pada suami menjadikan isteri sedia taat, patuh dan melayan suami sesungguh hati.

Kasih pada guru membuatkan mm-id gigih belajar dan mengamalkan ajarannya. Manakala kasih pada murid menjadikan guru-guru hilang letih untuk mendidik dan mengajar hingga muridnya berjaya. Kasih pada ibu bapa membuatkan anak-anak sangat menjaga hati orang tuanya. Manakala kasih kepada anak-anak menjadikan ibu bapa rela berbuat apa saja untuk anak-anaknya.

Demikianlah kesan adanya kasih sayang. Ia membuatkan manusia seperti terikat satu sama lain. Lalu akan saling member-i dan menerima secara suka dan rela. Orang yang saling menyayangi rasa bersalah kalau tidak dapat memberi kasih sayang walau dalam apa bentuk sekalipun. Berkorban dan bersusah-susah untuk yang disayangi adalah kebahagiaan, kepuasan dan hiburan. Sedangkan tanpa kasih sayang, pengorbanan dibuat secara terpaksa, menjadikan ia amat berat dan menyeksakan manusia.

Seorang murid yang buat kerja guru dengan rasa cinta pada guru, akan membuatnya dengan sepenuh hati, ghairah dan bahagia. Dia tidak jemu dan tidak letih. Dia akan berbuat lebih dari yang diperintahkan. Sebaliknya murid yang buat kerja guru dalam keadaan terpaksa, sedangkan dia benci pada guru itu, akan rasa berat dan jemu. Al hasil,

kerjanya jadi tidak sempuma.

Demikianlah juga keadaan rakyat terhadap pemerintah, pengikut terhadap pemimpin dan sebaliknya. Begitu jugalah isteri terhadap suami, anak-anak terhadap ibu bapa dan manusia terhadap manusia lainnya.

Sejarah telah membuktikan kepada kita bahawa cinta dan kasih para Sahabat yang sungguh mendalam terhadap Rasulullah SAW dan sebaliknya, telah membuatkan mereka berjuang dan berkorban habis-habisan. Hingga nyawa pun sanggup dikorbankan demi cinta. Al hasil dalam tempoh yang sekejap sahaja, Islam telah membentuk negara dan empayar kepada tiga perempat dunia. Demikian bukti bahawa dengan cinta, manusia rela mengorbankan lebih masa dan tenaga hingga memperolehi hasil yang luar biasa. Sedangkan tanpa cinta, sesuatu kerja itu dibuat dengan sambil lewa dan hasilnya mengecewakan!

Sebab itu kita mesti pandai mengisi ruangan daripada rasa kasih sayang dan cinta ini. Ia sangat besar manfaatnya kepada kehidupan manusia. Kita patut usahakan agar tumbuh kasih sayang sesama manusia supaya buahnya yang lebat lagi manis itu dapat kita kecapi bersama.

Tapi sayang sekali hari ini, dunia sudah ketandusan kasih sayang. Orang miskin tidak sayang pada orang kaya, rakyat tidak sayang pada raja atau ketua negaranya, masyarakat tidak sayang pada ulama, bahkan anak-anak tidak sayangkan ibu bapa dan isteri tidak menyayangi suami.

Benci-membenci jadi budaya tradisi yang membuatkan manusia terhina dengan segala bentuk krisis dan masalah sesamanya. Kakitangan pejabat mencaci-caci boss mereka di belakangnya. Orang politik dimaki hamun oleh pengundinya, ulama dihina-hina oleh masyarakat, menteri-menteri dimusuhi oleh berbagai lapisan masyarakat dan jadi bahan bualan yang negatif. Demikian seterusnya yang berlaku dalam realiti hidup hari ini akibat tidak adanya sifat-sifat

yang cantik untuk membuat manusia saling jatuh hati dan sayang-menyayangi.

Mana kasih sayang pengikat perpaduan manusia? Mana keharmonian hidup, ketenangan serta kepuasan?

Kita rindu untuk melihat orang kaya mengasihi orang miskin dan si miskin membalas kasih si kaya. Hinggakan mereka bekerjasama dengan penuh harmoni dan mesra. Kita juga rindukan pemimpin yang memberi kasih kepada pengikut dan sebaliknya. Dan kita ingin melihat orang bukan Islam kasih pada orang Islam dan sebaliknya!

Ya, kita ingin melihat dunia kembali damai, aman, harmoni dan makmur dengan wujudnya kasih sayang sesama manusia. Untuk itu mari kita cetuskan sebab-sebab untuk orang lain, sekalipun bukan sebangsa dan seagama apa lagi kalau sekeluarga dan seagama, agar cenderung dan jatuh hati pada kita. Bila masing-masing mengusahakannya, maka kita pun menyayangi dan disayangi. Dari sana, moga-moga impian dan kerinduan kita menjadi kenyataan!

Kesilapan manusia hari ini, di samping membiarkan rasa benci-membenci terus subur, tidak pula mengusahakan untuk sayang-menyayangi. Sebaliknya lebih mengalih perhatian kepada benda dan makhluk-makhluk yang lain. Melupakan tanggungjawab untuk membina kasih sayang sesama manusia. Kemudian mencari jalan lain untuk menjauhkan lagi dari tanggungjawab tersebut. Iaitu mengalih perhatian dan kasih sayang kepada benda-benda, pokok-pokok, binatang, barang-barang antik dan sebagainya.

Benda-benda kecintaan ditatang-tatang, dibelek-belek dan dijaga sungguh-sungguh. Binatang kesayangan dibelai-belai, dilayan dan dikawal hingga dibuat undang-undang, sesiapa yang membunuh binatang didenda. Barang-barang antik dipuja-puja dan dijaga di muzium-muzium dan lain-lain dengan istimewa sekali. Begitu juga pokok-pokok dan

bunga hiasan, begitu disayangi dan dari semasa ke semasa rasa sayang itu disuburkan!

Memang tidak ada salahnya perkara-perkara itu. Tapi apalah ertinya kera di hutan disusukan, anak di rumah dibiarkan. Maksudnya, tanggungjawab yang asasi dan penting diabaikan, sebaliknya dibuat kerja-kerja yang tidak penting. Ibarat orang menghidangkan kita berbagai macam lauk-pauk, tetapi tidak disertakan nasi. Apa perasaan kita? Apa ertinya pokok di hutan tidak dipotong tetapi badan manusia dipotong dan dibunuh?

Pokok-pokok, benda-benda, barang antik dan binatang kalau tidak disayangi dan tidak diberi perhatian, tidak memberi kesan negatif pada kita. Tetapi anak-anak yang tidak dapat kasih sayang akan jadi penyakit masyarakat. Orang miskin yang terbiar tanpa diberi simpati akan buat masalah dalam masyarakat. Orang yang bukan seagama dan sebangsa yang tidak mendapat perhatian dan kasih sayang akan mencari pasal untuk membalas dendam dan geram. Demikian kalau manusia tidak berkasih sayang, kesannya sungguh negatif dan bahaya sekali.

Dunia hari ini begitu ketandusan kasih sayang. Keadaannya genting sekali. Manusia saling benci-membenci iaitu kebalikan dari berkasih sayang. Akibatnya masing-masing saling mencari jalan untuk menyusahkan orang lain. Masing-masing saling berprasangka dan saling mencurigai. Paling tidak, saling tidak mempedulikan dan tidak ambil tahu. Usaha-usaha untuk mengatasinya hampir-hampir tidak ada sama sekali. Kalaupun ada, tidak berkesan. Kerana caranya tidak tepat dan tidak membawa kesan yang berkekalan.

Berdasarkan huraian tentang kasih sayang ini, saya berharap dapat memberi formula yang praktikal untuk campurtangan bagi menyelesaikan masalah manusia yang sudah

terlalu kronik. Moga-moga ALLAH bantu saya dalam usaha ini!

BAB 2

# Peringkat dan Jenis-Jenis Kasih Sayang

**M A R I  K I T A** kenali secara lebih terperinci tentang peringkat, bahagian, jenis dan sifat kasih sayang. Dari sana kita akan tahu bagaimana membina, menjaga, mengawal dan menyuburkan kasih sayang. Dan kita akan mendapat nikmat dari saling berkasih sayang.

Kasih sayang itu berbeza-beza sifat dan sebab terjadinya. Dan berbeza pula dorongan atau rangsangan serta penghalang-penghalang yang boleh mengurangkan dan membunuh rasa kasih sayang itu. Mari kita kaji dengan terperinci.

Kasih sayang yang merupakan fitrah manusia itu terbahagi dua iaitu:

A. Kasih fitrah mumi

B. Kasih fitrah nafsu

## A. KASIH MURNI

Mula-mula kita bincangkan tentang **kasih murni.** Ia terbahagi kepada dua:

1. Kasih tabi'i (asli)
2. Kasih aradhi (mendatang)

### 1. Kasih Tabi'i

(i) ***Kusih Tabi'i Yang Kuat***

Kasih jenis ini terjadi atau wujud dalam diri disebabkan oleh hubungan darah atau keturunan. Kerana percampuran darah yang berlaku dalam badan, maka mereka ini adalah sebahagian dari yang lain. Hakikatnya adalah satu. Jadi, sebagaimana manusia itu kasih pada dirinya, maka dia kasih juga pada sebahagian dirinya (darah) yang ada pada orang lain itu.

Kasih jenis ini berlaku antara ibu atau bapa dengan anak-anak. Yang mana anak-anak itu terjadi dari darah (benih) ibu dan ayah. Hakikatnya diri anak-anak itu adalah sebahagian pecahan diri ibu dan ayah. Maka terbinalah kasih tabi'i yang suci murni dan berakar umbi di dalam hati. Ia wujud sejak anak belum lahir lagi ke dunia. Kasih ini tidak didorong oleh apa-apa faktor luaran. Kasih jenis ini kemumiannya mengatasi kasih-kasih yang tumbuh oleh sebab-sebab lain. Kecuali kasih kepada ALLAH, yang mana siapa dapat membina dan menyuburkannya, memang tidak ada tandingannya.

Selain daripada ibu bapa dan anak-anak, kasih tabi'i wujud juga di antara datuk, nenek dan cucu serta cicit-cicit sampai ke bawah. Juga cucu-cucu itu kepada nenek-nenek dan datuk-datuknya sampai ke atas. Cuma bila makin jauh hubungan darah itu, makin berkuranglah rasa kasih tabi'i ini. Kasih kepada saudara sekandung adalah juga kasih tabi'i yang kuat dan teguh. Sebab mereka lahir dari benih yang sama. Cuma kasih antara mereka tidak sama dengan kasih antara ibu dan anak.

Kasih tabi'i yang tulen dan kuat ini kalau tidak dibela dan dipupuk pun, ia tetap ada dan teguh di dalam hati dan sulit untuk diterangkan. Apalagi kalau dididik, dipupuk, didisiplinkan. Bertambah subur dan kental lagilah ia. Lalu terjadi hubungan kasih yang begitu hebat dan indah. Masing-masing akan saling kuat-menguatkan demi kesem-

pumaan hidup bersama.

Namun demikian kasih tabi'i boleh pudar dan lemah juga kalau terlalu dibiarkan dart terlalu dirosakkan. Misalnya kasih anak terhadap ibu bapa akan pudar kalau ibu bapa langsung tidak mempedulikan atau terlalu menzalimi anak-anak.

Hari ini anak-anak renggang dengan ibu bapa dan sebaliknya ibu bapa tidak rapat dengan anak-anak hingga rumahtangga jadi longgar dan bubar, kerana kasih tabi'i ini sangat terbiar dan dirosakkan. Pendidikan serta disiplin untuk menyuburkannya tidak terdapat di rumah dan di sekolah. Maka jadilah ia seperti pokok terbiar yang susah untuk hidup. Kalau ini dibiarkan, institusi asas masyarakat yakni rumahtangga, akan lemah. Bila lemah, ia akan membawa kepada lemahnya perpaduan dan kasih sayang dalam masyarakat dan negara, seterusnya dunia antarabangsa.

(ii) ***Kasih Tabi'i Yang Kurang***

Selain dari kasihkan keturunan darah tadi, ada kasih tabi'i yang sudah berkurang kekuatannya, iaitu kasihkan kaum kerabat, kasih sebangsa, senegeri dan sekampung. Kerana hubungan-hubungan keluarga, bangsa, kampung, negeri dan seumpamanya, datang rasa kesamaan dan tumbuh kasih tabi'i. Tapi kekuatannya tidak seberapa. Sebab itu ia mudah saja terungkai oleh penghalang-penghalangnya. Misalnya kalau antara mereka selalu menyinggung perasaan atau saling tidak mempeduli, maka kasih itu akan hilang. Apalagi kalau berlaku penzaliman; bukan saja kasih tabi'i hilang sama sekali, bahkan timbul benci-membenci, krisis dan seterusnya membawa pergaduhan.

Namun kalau kasih ini dipupuk, dibajai, diasuh dan diproses oleh sistem pendidikan, diusahakan pertumbuhannya,

didorong oleh kesedaran tentang pentingnya ia, maka akan kembang suburlah ia. Lagi kuat pendorongnya, lagi suburlah kasih tabi'i ini. Mungkin boleh pula mengatasi kekuatan kasih tabi'i yang pertama tadi.

Bagi seorang Islam, pendorong yang paling kuat supaya kasih ini terpelihara dan bertambah, ialah iman kepada ALLAH. Kasih antara dua orang yang kuat beriman kepada ALLAH, adalah kasih paling teguh dan meneguhkan, yang tidak tertanding oleh kasih-kasih yang lain.

Namun hari ini, bukan saja kasih kerana iman ini tidak timbul dalam masyarakat, malah kasih tabi'i yang sedia ada pun, sudah tiada. Diungkai oleh penghalang-penghalang yang berbagai-bagai. Dimusnahkan oleh perangai dan sikap manusia juga. Entah mengapa sistem pendidikan yang katanya moden dan tinggi ini, tidak mengambil kira persoalan penting tentang kejiwaan ini iaitu kasih sayang.

Akibatnya, kehidupan berkasih sayang bukan saja tidak lahir dalam masyarakat bahkan tidak wujud 'di sekolah-sekolah. Guru tidak sayangkan murid, murid bencikan guru. Hingga terjadi berbagai-bagai masalah sosial dalam gedung pendidikan. Aneh, bukan! Kilang yang rosak dibiarkan rosak oleh orang-orang yang katanya pakar dalam bidang perkilangan manusia ini. Ini satu penipuan dan penzaliman yang mesti diprotes secara praktikal!

## 2. Kasih Aradhi

Kasih mumi yang semulajadi dalam hati manusia, selain yang wujud sejak lahir, ada juga yang bat-u tumbuh sesudah lahir dan dewasa. Ia terjadi bukan kerana hubungan darah, seketurunan, sebangsa dan lain-lain, tetapi kerana dorongan, pengaruh masa dan sebab-sebab positif yang mendatang. Hingga kerana tarikan kasih itu, jadilah manusia-manusia yang selama ini tiada hubungan apa-apa, terhubung antara

satu sama lain. Lagi kuat tarikan atau dorongan atau pe-8 ngaruh itu maka lagi kuatlah ikatan kasih sayang. Ia jadi, lemah atau hilang bila sebab-sebab tadi tiada atau terhalang.

Kasih murni yang mendatang ini biasanya disebabkan' faktor-faktor agama, akhlak, jasa, keadilan pemimpin, pemurahnya orang kaya, ilmu, kepetahan, kerajinan, kecantikan dan lain-lain keistimewaan. Kerana tertarik kepada kebaikan-kebaikan itu yang dilihat ada pada seseorang,- maka tumbuhlah kasih murni antara sesama manusia. Kasih' mumi yang tiada apa-apa kepentingan ini boleh juga terjadi sekalipun antara manusia berlainan bangsa dan agama,i negara dan wama kulit. Sedangkan kasih tabi'i tidak adal pada manusia yang berbeza-beza bangsa, negara dan agama.

Sebab itu demi perpaduan sejagat, kasih yang mendatang. ini mesti diusahakan dan mesti diprogramkan. Ia berlakul antara suami dan isteri bilamana keduanya saling tertarikp kepada keistimewaan masing-masing. Berlaku juga antara jiran dengan jiran yang saling tolong-menolong. Boleh juga, berlaku antara orang kaya dengan orang miskin, yang saling, berakhlak. Boleh terjadi antara rakyat dan pemerintah, an: tara sebangsa, seagama atau berlainan bangsa, negara dan; agama.

Ruangnya luas sekali, mencakup manusia sejagat. Se-i luruh rakyat Amerika boleh tertarik, jatuh hati dan sayang: kepada seluruh rakyat Malaysia, kalau diketahui dan terbukti yang rakyat Malaysia ini baik-baik dan suka berbaik-, baik dengan Amerika. Demikianlah sebagai contoh. Namun' dengan spontan kasih itu hilang bilamana diketahui yang orang Malaysia pun ada membuat rancangan jahat terhadap' rakyat Amerika.

Begitulah sifat kasih mendatang ini. Suami isteri boleh hilang kasih murni antara mereka bilamana mereka saling" tidak berakhlak lagi. Jiran akan benci-membenci bila masing-masing mengungkit-ungkit bantuan yang dihulur-

kan. Demikian seterusnya. Kasih pada orang susah boleh hilang bilamana dia jadi senang (selepas ditolong), kemudian berlagak sombong.

Itulah penyakit masyarakat moden kini. Kasih sayang yang terjalin, terungkai kembali kerana manusia tidak tahu atau tidak mampu memeliharanya. Kasih murni pun hilang; yang tinggal mungkin kasih nafsu yang penuh kepentingan. Tiada siapa yang suka dengan kasih pura-pura itu. Oleh itu kita perlu kekalkan kasih mumi ini. Yakni dengan masing-masing menjaga dan mengusahakan agar kasih tidak hilang. Menunaikan hak asasi batiniah kita dan manusia lain adalah satu tanggungjawab yang sangat penting. Jika keperluan asasi batiniah itu tidak tertunai, semua manusia akan menerima akibat dan risiko yang membahayakan kehidupan masing-masing.

## B. **KASIH NAFSU**

Berbeza dengan kasih murni, kasih nafsu ini sifatnya buruk kerana ia tumbuh disebabkan sesuatu kepentingan peribadi. Demi sesuatu kepentingan duniawi dan keseronokan yang dicari, maka datanglah kasih tersebut. Kasih ini tidak datang dari hati yang jujur; ia bersifat pura-pura dan sementara. Seorang lelaki atau perempuan boleh jatuh kasih kepada perempuan atau lelaki yang diingini untuk memuaskan nafsunya. Kasih itu hilang bila nafsu sudah kenyang atau sebab-sebab rangsangan sudah tiada.

Seorang kawan jatuh kasih pada kawannya kerana mengharapkan.xxtolongan dari kawan itu. Bila pertolongan tidak diperolehi maka hilanglah kasih. Orang politik berkasih-kasihan kerana mengharapkan masing-masing membela nasib politik masing-masing. Bila sudah terbela atau pembelaan tidak dapat, kasih pun hilang. Seorang pekerja memberi kasih pada ***boss*** kerana mengharapkan kenaikan gaji atau pangkat. Sesudah dapat atau bila langsung tidak

dapat, kasih pun hilang.

Itulah contoh-contoh kasih nafsu. Sekali imbas, ia juga kelihatan bersifat semulajadi, tetapi ia lahir dari tujuan jahat dan datang dari faktor luaran.

Punca tumbuhnya kasih nafsu ialah rangsangan yang disebabkan oleh kecantikan atau godaan wanita atau lelaki yang membangkitkan nafsu berahi. Kalau berlaku antara suami isteri tidaklah salah. Cuma kasih suami isteri yang terikat oleh cinta nafsu semata-mata tidak akan kekal.

Perkara lain yang menjadi sebab tumbuhnya kasih nafsu ialah keinginan pada kekayaan orang kaya oleh si miskin dan keinginan pada jawatan dari orang besar oleh orang bawahan. Atau keinginan untuk memperhambakan orang miskin oleh si kaya atau untuk memperkulikan orang bawahan oleh orang besar. Nampaknya seperti ada kasih sayang di situ tapi hakikatnya kasih yang demikian tidak bersih atau ada kepura-puraan atau ada udang di sebalik batu. Itulah kasih nafsu.

Kerana sifatnya yang jahat, maka kasih nafsu bukan menyatupadukan manusia tetapi memecah-belahkan. Sebab itu ia tidak boleh didorong tapi perlu dikawal dan di-disiplinkan.

Banyak orang tertipu atau rosak oleh kasih nafsu ini. Dalam dunia sekarang, kasih inilah yang dibiarkan dan dibesar-besarkan dan dibelai hingga tidak terkawal lagi. Sebab ia mudah terjadi dan memberi keuntungan pada pihak yang berkepentingan.

Kasih nafsu lebih cepat dan mudah datang serta mudah pula hilang berbanding dengan kasih mumi. Bila lelaki atau perempuan, suami dan isteri itu sudah tidak cantik, tidak menggoda lagi, suara sudah tidak sedap, tubuh sudah tidak sasa, maka hilanglah kasih, putuslah hubungan. Kalau ter-paksa hidup bersama lagi, hanyalah dengan memaksa-maksa

diri, bukan secara sukarela. Mungkin kerana memikirkan nasib anak-anak atau harta bersama atau demi menjaga nama baik, maka bolehlah mereka bertahan. Tetapi mana ada indahnya? Kerana ikatan antara mereka adalah ikatan keadaan dan ikatan atas dasar terpaksa, bukan lagi ikatan kasih dan rasa sejiwa.

Bagi orang politik, kasih sayang antara mereka lebih cepat hilang. Inilah kasih yang paling longgar dan paling pura-pura. Hari ini berkawan, tapi esok kawan jadi lawan, bilamana kepentingan politik terancam. Sebab itu bila bersara, orang politik tents dilupakan orang. Demikian juga bila si kaya jatuh miskin. Siapa yang sayang padanya hilang sayang. Hiduplah ia keseorangan, menderita dan terhina.

Untuk mengelak kasih nafsu, manusia mesti membersihkan hati dari sifat-sifat jahat dan berkepentingan. Alat pembersih hati yang paling mujarab ialah iman kepada ALLAH. Dalam Al Quran, ALLAH sudah ingatkan ini:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ
وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ
ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلْمَـَٔابِ

***Dihiasi manusia dengan kecintaan kepada yang diingini; wanita, anak-anak, harta yang banyak terdiri dari emas dan perak, kuda pilihan, binatang temakan dan tanaman. Semua itu hanya kesenangan hidup di dunia saja. Di sisi ALLAH ada sebaik-baik tempat kembali (Syurga).***

**(Ali h-an: 14)**

BAB 3

# *Masyarakat Perlukan Kasih Sayang*

SEPATUTNYA masyarakat manusia tidak hidup nafsi-nafsi, berkrisis dan huru-hara Sebab sudah menjadi keperluan hidup manusia, saling bertolong bantu dan perlu-memerlukan. Seseorang itu tidak boleh sempuma hidupnya tanpa orang lain. Pada orang lain ada keperluan untuk dirinya. Jadi sepatutnya dia menjaga hubungan baik dengan orang lain. Sebab di situ ada keperluan untuk dirinya.

Ertinya, berkasih sayang antara manusia itu, selain merupakan keperluan batiniah insan, sebenarnya ia adalah keperluan kehidupan lahiriahnya juga. Kalau tidak berbaik-baik dengan orang lain, manusia akan hidup keseorangan dengan bermacam-macam masalah. Contohnya:

1. Dalam sebuah kampung, ada seorang kaya yang tidak bergaul dengan sesiapa pun dalam kampung itu kerana orang lain semua tidak kaya seperti dia. Bolehkah dia selamat dengan hidup seorang diri? Apa kata kalau satu hari terjadi kebakaran di rumahnya? Pada siapa dia hendak minta tolong? Atau terjadi kematian salah seorang anggota keluarganya, ke mana dia hendak mengadu? Atau kalau dia hendak adakan kenduri, siapa yang hendak tolong jayakannya?

Atau di waktu sakit, bukankah dia memerlukan orang lain? Iaitu orang yang akan mengubatinya. Tanpa orang

lain, kekayaan yang dimilikinya tidak akan memenuhi keperluan hidupnya. Dia akan menghadapi berbagai-bagai masalah. Yang penyelesaiannya tidak lain tidak bukan ialah berbaik-baik dan berkasih sayang dengan manusia yang lain.

Di Barat hari ini, kerana manusia memilih untuk hidup sendiri-sendiri, tidak mahukan orang lain, biasa berlaku, orang tua mati seorang diri dalam rumah; sudah berhari-hari baru orang tahu. Itu pun, jiran yang tahu tadi bukannya tolong uruskan, tapi sekadar tolong telefon pihak polis dan hospital minta dibereskan. Indahkah hidup dan mati yang begitu?

Begitu juga kalau ada hal-ha1 kecemasan; mereka yang datang menolong bukan masyarakat sekeliling, tetapi pihak berwajib yang saling tidak kenal-mengenal. Pertolongan yang diberi pun semata-mata atas dasar tugas yang terpaksa dibuat, bukan dengan hati. Terhiburkah kita menerima pertolongan yang diberi secara terpaksa?

2. Pemimpin perlukan rakyat. Buktinya dapat dilihat di waktu pilihanraya, betapa orang politik merayu-rayu agar rakyat mengundi mereka. Terpaksalah mereka membeli undi, menyogok wang dan menjanjikan itu dan ini demi mengharapkan belas kasihan dari rakyat. Tetapi pelik, selesai pilihanraya mereka lupakan rakyat. Sedangkan kalaulah mereka terus berbaik-baik, menghubungkan kasih dengan rakyat, pada pilihanraya akan datang tidak perlu teruk-teruk berkempen, tidak perlu beli undi dan tidak perlu janji itu dan ini. Sebab bila rakyat sayang, undi akan diberi secara sukarela.

Sepatutnya para pemimpin sedar akan ha1 ini dan berusaha untuk menjaga hati rakyat lebih dari hati keluarga. Sebab rakyatlah yang menyebabkan dia jadi pemimpin. Tetapi mengapa hari ini, hampir-hampir tidak ada rakyat

yang sayangkan pemimpin dari hatinya? Yang ada cuma . ikatan tugas atau ikatan kepentingan dengan tujuan-tujuan hendak jaga periuk nasi dan poket. Di belakang pernimpin, rakyat mengata-ngata atau melupakannya. Terpaksalah pemimpin beli kasih dengan Wang untuk dia disanjung dan dipuji. Kasih wang namanya, bukan kasih sayang.

3. Bila kita berfikir lebih jauh, kita akan melihat adanya hubungan semulajadi antara manusia yang mewajarkan manusia saling mengasihi antara satu sama lain. Nasi yang kita makan, petani yang tanam. Ikan yang kita hidang, nelayan yang tangkap; dihantar ke rumah kita oleh peniaga kecil. Atau dibawa ke pasar oleh para peniaga. Rumah tempat kita tinggal, buruh yang bangunkan. Kereta yang kita naiki, ada pihak yang bersusah payah membuatnya. Demikianlah seterusnya. Antara kita dengan manusia lain, saling perlu-memerlu dan bantu-membantu secara sedar atau , tidak, secara langsung atau tidak langsung. Sama ada kita mahu atau tidak, kita harus terima juga.

Hal ini tidak berlaku dalam masyarakat haiwan. Jadi kalau haiwan tidak bermasyarakat, tidaklah rugi dan tidaklah salah. Sebab mereka tidak perlu-memerlukan. Tapi manusia mesti bermasyarakat. Walaupun kita sudah bayar khidmat petani, nelayan, buruh dan lain-lain itu, tetapi bukankah elok kalau bayaran dibuat bersama rasa terima kasih. Hulurkan juga kasih atas kerelaan orang lain menjadt sumber rezeki pada kita. Wang yang diberi akan habis tetapi kasih akan membuahkan hubungan baik, timbang rasa dan rasa bersama.

Mana lebih indah, dua orang yang terhubung oleh mata , benda atau wang ringgit dan dua orang yang berhubung dengan kasih sayang? Bila manusia dihubungkan oleh benda, tidak wujud kemesraan, persaudaraan atau persahabatan. Tidak ada ziarah-menziarahi, saling menghibur

serta sama-sama ketawa dan menangis. Apakah seronok tinggal dalam rumah yang tiada kawan yang hendak ziarah dan kesusahan terpaksa ditanggung sendiri hingga ketawa pun sendirian? Ya, hubungan yang diikat oleh bayaran, kaku dan tidak menghubungkan hati. Sebab itu marilah kita utamakan perhubungan hati daripada hubungan yang diikat oleh Wang. Sebab kasih sayang lebih dinilai dan banyak hikmahnya dari Wang.

4. Dalam pengalaman hidup kita, sekali-sekala kita akan ditimpa susah, sakit miskin, kemalangan dan lain-lain ujian hidup. Bukankah waktu itu kita perlukan orang lain untuk tolong kita? Jika orang tidak tolong, kita jadi dua kali susah dan sakit. Jadi ertinya, waktu orang lain susah, kita perlu tolong. Sebab dia sangat memerlukan kita sebagaimana kita perlukan dia.

Jadi perlu-memerlukan tidak dapat dielak walaupun kita tidak berkehendak. Kalau begitu, bukankah lebih baik kita menganjurkan hubungan kasih sayang daripada hidup nafsi-nafsi. Sebab pertolongan yang disertai dengan kasih sayang ada ertinya. Sedangkan pertolongan yang diberi dengan masam muka dan mengejek akan menyakitkan hati. Jelas, kasih sayang amat perlu dalam hidup manusia. Tanpanya, manusia akan kesusahan.

5. Mengapa kita suka atau tergamak melakukan perkara-perkara yang menjadikan orang benci atau hilang kasih? Hingga timbul ketegangan dan huru-hara. Sebab kesannya, bukan saja orang lain yang susah, tetapi diri sendiri pun susah. Sebab suasana itu memberi kesan pada jiwa kita. Apakah kita suka kalau kita susah? Kalau tidak, mengapa kita biarkan diri kita melakukan perkara-perkara yang memutuskan kasih sayang dan keharmonian di tengah masyarakat, yang akan membuatkan orang lain susah?

6. Seperti yang telah dibahaskan sebelum ini, fitrah manusia suka disayangi dan tidak suka dibenci. Manusia tentu sedar sifatnya ini. Dia faham dan dapat baca hatinya. Kerana setiap waktu dia mengalaminya. Bila ada orang tunjuk sayang, dia gembira sekali. Bila ada orang benci, dia terseksa. Oleh itu sepatutnya manusia faham bahawa se-, bagaimana dia merasainya, begitulah juga orang lain. Kalau dia suka disayangi dan tidak ingin dibenci, orang lain pun begitu juga. Tetapi mengapa manusia tidak berusaha untuk memberi kasih? Mengapa memikirkan diri sendiri sahaja, tidak memikirkan orang lain sama?

Dengan buah-buah fikiran yang tersebut tadi, saya tegaskan bahawa kasih sayang amat diperlukan oleh masyarakat manusia dalam hidup mereka. Kasih sayang mesti diperjuangkan dalam masyarakat. Manusia tidak boleh meniru masyarakat hutan (haiwan) yang hidup nafsi-nafsi, kerana di hutan kasih sayang tidak penting. Di kampung, di bandar, di dalam masyarakat manusia, kasih sayang amat perlu. Tanpa kasih sayang, manusia akan susah, resah, gelisah, payah dan runsing selalu.

Untuk mempejuangkan kasih sayang, kita perlu mulakan dengan mengorbankan sifat individualistik dan gila dunia. Kita perlu fikirkan perasaan orang lain sebagaimana kita fikirkan perasaan kita. Kita perlu kongsikan kekayaan yang kita perolehi, bukan bolot untuk diri sendiri sahaja.

Inilah ajar-an Islam. Ia mengutamakan nilai-nilai kasih dan sayang lebih dari harga dunia dan isinya. Tapi inilah yang telah dilupakan oleh umat Islam sendiri sekalipun ulama-ulamanya. Sebab keperluan kepada kasih dan sayang lebih dari keperluan pada mata benda. Orang yang berkasih sayang boleh hidup walaupun miskin. Tetapi berapa ramai orang kaya yang berkecamuk hidupnya kerana ketandusan kasih sayang?

Satu ketika dulu, orang boleh hidup dengan kasih sa-

yang, tanpa menggunakan banyak Wang. Mereka gotong-royong buat rumah, tidak perlu upah tukang. Mereka gotong-royong tanam padi, tidak perlu upah penanam. Demikian seterusnya. Tetapi sekarang, kerana kasih sayang sudah tiada, untuk uruskan mayat pun perlu ada duit banyak. Kalau tidak, mayat busuk tidak bertanam. Apalagi hendak buat rumah. Tidak ada wang upah, rumah takkan tertegak. Hendak kahwin pun tidak boleh kalau tidak ada duit. Sebab orang bukan lagi kahwin kerana cinta murni tetapi semata-mata kerana cinta nafsu, yang terpaksa dibayar dengan harga yang mahal.

Kita tidak rugi kalau membeli atau menggantikan wang dengan kasih sayang. Sebab kasih sayang terlalu tinggi nilainya. Ia menyuburkan jiwa dan merupakan sumber ketenangan dan kebahagiaan. Moga-moga kita berjaya mengembalikan kehidupan berkasih sayang dengan menyelamatkan diri dari cengkaman nafsu kerana penyakit gila keduniaan dan kebendaan.





Msratakan kasih sayang. Meldekati kanak-kanak Uzbekistan.



**Buah kasih sayang.** Bermesra dengan warga tua Uzbek *(atas)* dan Yunnan.



**Dari simpati terbit kasih.** Memberi hadiah kepada kanak-kanak miskin di Yunnan.











**Kasih sayang seorang ketua keluarga.** Mencium anak dan cucu.



**Dari cinta ALLAH lahir kasih sayang sesama manusia.** Makan bersama dua orang isteri.



**Kasih sayang fitrah setiap insan.** Majlis ramah mesra dengan 'zimmi jemaah' di Thailand. Antaranya, Wakil Gabenor Phrae, Sak Kiat Kong, penasihat parlimen Thailand, Rai Panomkuuan, dan bekas Datuk Bandar Phrae, Kuanchai Panomkuuan.




**Kemesraan buah kasih sayang.** Bergambar dalam suasana mesra dengan Datuk Kaheruddin Momin, bekas ahli Exco Kebudayaan Negeri Selangor Darul Ehsan.



**Bila hati terhubung.** Rapat dan semakin erat dengan YB Tamrin, anak kepada Encik Ghafar Baba, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia



**Dari Hati ke hati.** Teliti mendengar butir bicara Abu Khairullah, pegawai di bahagian keselamatan, Istana Malacanang, Manila.



**Menagih cinta agung dari Ilahi.** Bersama orang-orang Arab di majlis sambutan Hari Ulangtahun Abuya ke-56 di Hotel Marriot, Amman, Jordan.



**Beri-memberi lahir dari kasih sayang.** Bertukar-tukar hadiah dengan seorang syeikh tareqat di Jordan.



**Dekati mereka.** Mendengar sendiri luahan hati rakyat di kaki lima di sebuah bandar di Indonesia.



**Berpadu hasil jalinan kasih.** Bertemu sambil mewujudkan suasana kasih sayang dengan pelbagai bangsa, agama dan negara. Atas: di Yunnan, dan bawah di Turki.



**Hormat tanda kasih.** Menghormati orang tua, mencium tangan Embah Mahmud, khadam seorang ulama besar Syeikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi.



**Bila hati sudah cinta, usia tidak menghalang.** Dengan Muhammad Anas (nama asalnya Charnwut Phaungpipat), Ketua Editor akhbar Tawannuc di Chiangmai, 'anak' Abuya yang baru memeluk agama Islam.



**Yang sakit diubat hatinya.** Menziarahi Profesor M.Es'ad Cosan yang sedang sakit di sebuah hospital di Turki.



**Tiada sempadan bagi kasih sayang.** Bersama dua orang ranjer Pakistan di sempadan Pakistan-India.



**Kasih sayang untuk perpaduan sejagat.** *Atas:* Bersama Syeikh Abu Khalid Asy Syamar, pemimpin kepada lebih 5 juta Arab Badwi di Jordan. *Bawah:* pelajar Al Arqam di Uzbekistan.

BAB 4

# Mengapa Kasih Boleh Berubah?

SATU TANDATANYA masyarakat yang perlu dijawab ialah mengapa boleh terjadi perubahan kasih? Yakni asalnya kasih, kemudiannya tidak kasih lagi. Kasih murni antara anak-anak dan ibu bapa, yang timbul sejak dalam rahim lagi, mengapa boleh berubah bila anak sudah besar? Hingga terjadilah sikap derhaka anak-anak dan ketegangan dalam rumahtangga atau keluarga.

Mengapa pula pasangan suami isteri yang sebetum kahwin lagi sudah bercinta-cintaan tetapi bila kahwin akhirnya bercerai-berai? Mengapa manusia yang sepatutnya saling berkasih sayang tetapi tidak dapat memelihara dan mengekalkan kasih tersebut?

Lunturnya kasih boleh berlaku dengan berhagai-bagai sebab. Lain jenis kasih sayang, lainlah sebab berubahnya atau lunturnya kasih dan lain pulalah cara-cara untuk mengembalikan kasih sayang itu. Mari kita senaraikan kembali jenis kasih sayang yang sudah tertulis dalam Bab 2, untuk kita lihat sebab-sebab kasih itu pudar dan hilang:

I. **Kasih tabi'i** yang berakar umbi dalam hati orang-orang yang ada hubungan darah atau keturunan. Kasih jcnis ini memang payah untuk dicabut dari hati, tetapi ia boleh lekang juga bilamana:

a. Terjadi perlakuan yang terlalu kejam dari mana-mana pihak atau kedua-dua pihak. Dengan kata lain, bilamana masing-masing tidak saling jaga-menjaga atau tidak hormat-menghormati, maka tawarlah hati masing-masing. Kalau ini sering terjadi, rasa marah dan tersinggung akan melunturkan atau menutup kasih tabi'i yang murni itu.

b. Anak-anak tidak kenal orang tua kerana sejak kecil dipisahkan atau selalu terpisah-pisah hingga tidak kenal-mengenal, lalu benih kasih tabi'i mati sebelum sempat subur. Kalau dewasa baru dikenalkan semula kepada ibu bapanya, kasih tabi'i sudah tidak boleh hidup lagi. Yang tinggal hanya yakin dan rasa simpati sahaja.

2. **Kasih murni aradhi** (mendatang) yang tumbuh kerana terpaut pada pengaruh jasa, akhlak, kebolehan dan keistimewaan yang ada pada manusia, juga boleh hilang bilamana orang yang dikasihi itu:

a. mengungkit-ungkit jasa. Misalnya, guru-guru mengungkit pengorbanannya atau pemimpin mengungkit-ungkitkan jasanya pada rakyat dan lain-lain lagi.

b. sombong dan membesar diri kerana merasa dirinya bijak, alim atau istimewa.

Ringkasnya, faktor hilang kasih ialah kerana orang yang dikasihi tidak berakhlak lagi.

3. **Kasih nafsu** hilang bilamana daya tarikan nafsu sudah tiada. Datanglah jemu untuk hidup bersama. Ditambah pula dengan perangai masing-masing yang menyakitkan. Maka tidak pelik kalau hari ini ramai suami isteri muda bercerai-berai. Kasih mereka yang marak menyala sebelum kahwin itu sebenarnya kasih nafsu. Kasih yang berkepentingan. Ia sangat lemah, tidak tahan diuji dan mudah sekali luntur.

Begitu juga kasih orang-orang politik atau ahli-ahli perniagaan. Semuanya amat rapuh ikatannya kerana mempunyai kepentingan. Masing-masing kurang jujur, tidak mementingkan perasaan kawan dan sanggup menipu. Sebab itu pecah-belah mudah berlaku. Kasih sayang umpama embun yang lesap ditelan panas matahari.

Daripada huraian di atas, nampaknya kasih murni lebih kukuh dan tahan uji. Kasih nafsu sangat longgar dan mudah hilang. Sebab itu kita jangan membiarkan diri terikat kepada kasih nafsu semata-mata. Kita mesti usahakan agar kasih kita lebih suci dan murni Kalau tidak, kita akan kecewa. Kasih nafsu yang halal tidaklah salah tetapi kalau tidak disokong oleh kasih murni, ia. mudah hilang.

Pengikat atau penyokong kasih supaya tidak putus ialah faktor akhlak. Sebab itu kasih sayang hanya terpelihara bilamana manusia boleh berakhlak atau berperangai baik. Untuk dapatkan akhlak yang baik, perlu pada belajar. Akhlak tidak datang sendiri. Mesti diusahakan. Sepertimana kalau kita hendak pakai baju cantik, kita kena usahakan membelinya dengan harga yang mahal. Begitulah juga untuk menghias diri dengan akhlak baik, kita mesti perjuangkan dengan sungguh-sungguh melalui tarbiah dan pimpinan yang baik.

BAB 5

# *Apakah Indahnya Masyarakat Sekular?*

**IDEOLOGI SEKULARISME** tajaan Barat yang memisahkan urusan kehidupan dunia ini dari agama, dengan harapan terciptanya hidup yang indah, rupa-rupanya telah member-i hasil yang sangat buruk. Kehidupan manusia jadi begitu pincang dan cacat. Di Barat terutamanya, di mana pusat ajaran sekular ini dijayakan, masyarakat manusia sudah hilang identiti kemanusiaannya. Sudah rosak serosak-rosaknya. Tanpa agama, mental dan spiritualnya dikuasai nafsu dan syaitan 100 peratus, hingga jadilah manusia seperti syaitan atau binatang. Akal dan jiwa yang murni sudah tidak berfungsi sama sekali.

Kita orang Timur pun, walaupun katanya beragama, tapi kerana sudah dirasuk oleh ajaran sekular tajaan Barat itu, sudah jadi senasib dengan orang Barat. Sebab agama tidak dijadikan panduan hidup, cuma tinggal pada namanya saja. Kalau Barat sudah rosak 100 peratus, kita di Timur sudah 80 peratus rosak. Masyarakat manusia yang sepatutnya hidup dalam keadaan berbaik-baik telah jadi kelam-kabut dan huru-hara.

Pemimpin yang patutnya menjadi payung menaungi rakyat telah jadi perompak dan pengganas kepada rakyat. Ibu ayah yang patut jadi ketua rumahtangga telah jadi penjahat-penjahat yang menyeksa anak-anak. Ulama yang patut jadi obor menaungi masyarakat, telah jadi peluru-

peluru berpandu yang menembak-nembak rakyat hingga masyarakat jadi kucar-kacir. Orang-orang kaya yang patutnya jadi bank masyarakat, telah jadi lintah yang menghisap darah rakyat.

Aduh! Sudah rosak sungguh masyarakat manusia ini. Mungkin masyarakat di dalam hutan sana lebih bersih dari masyarakat di kampung dan di pekan ini, cuma mereka tidak bertamadun. Mari kita senaraikan ciri-ciri masyarakat sekular yang rosak binasa ini dengan melihat pada hubungan antara individu-individu dalam masyarakat dan antara negara-negara. Supaya kita sedar bahawa kita sudah terlalu dirosakkan oleh sekularisme dan perlu sekali membaiki diri.

## 1. Suami isteri

Ikatan perkahwinan itu tujuannya untuk menyatukan kehidupan agar lelaki dan perempuan memperolehi kesempurnaan hidup dan membina rumahtangga bahagia bersama-sama anak-anak. Suami jadi ketua dan menjaga polisi, isteri jadi pengurus melaksanakan polisi. Sementara anak-anak jadi kakitangan yang akan menjayakan pembinaan rumahtangga yang indah dan bahagia. Mereka saling bekerjasama dan rasa bersama.

Tetapi rata-rata dalam rumahtangga di dunia kini, suami isteri tidak boleh berbaik-baik. Sering berselisih faham, berkrisis dan berpecah-belah. Fahaman sekular dan ilmu sekular tidak mampu untuk membuatkan suami isteri bersefahaman, bertolak-ansur, hormat-menghormati dan mengekalkan kasih sayang. Kegilaan pada dunia dan mata benda, serta sikap individualistik telah memutuskan kasih dan rasa kemanusiaan sesama manusia sekalipun antara suami dengan isteri.

Mereka tinggal serumah tetapi tidak sehaluan. Masing-masing memaksa-maksa diri untuk menjalankan tanggung-

jawabnya. Isteri terpaksa berlakon-lakon taat, suami memaksa-maksa diri memikul beban keluarga. Bertemu terasa satu penyeksaan. Salah yang kecil jadi masalah besar. Suami kalau ingin 'mendekati' isteri, tanpa persetujuan isteri, dituduh rogol.

Pergaduhan sering terjadi. Kadang-kadang sampai pukul-memukul dan berbunuhan. Masing-masing berfikir hendak bercerai tetapi terhalang oleh anak-anak atau tidak mampu membayar harga perceraian yang cukup mahal atau demi memiliki harta bersama. Yang mana kalau bercerai, takut jadi miskin dan papa.

Demikianlah rosaknya hidup manusia sekular ini. Daripada 10 rumahtangga, mungkin satu sahaja yang elok. Selebihnya bagaikan berada dalam penjara yang menyeksakan kedua pihak.

## 2. Anak-anak dan ibu bapa

Di dalam rumahtangga orang sekular, yang ibu dan ayah sering bertengkar dan bermasalah, anak-anak pun tentu berjangkit sama. Suasana hidup yang mesra, berkasih sayang dan hormat-menghormati susah sekali berlaku. Suasana tegang, pertengkaran, derhaka, benci-membenci adalah perkara biasa.

Anak-anak yang sepatutnya begitu kasih dan taat serta memuliakan orang tua, tetapi tidak demikian jadinya. Ajaran sekular mengajar anak-anak bertanya ibu bapa, "Mengapa lahirkan saya ke dunia?"

Jasa ibu bapa tidak dinilai, sebab dianggap memang itu tanggungjawab setiap ibu bapa. "Mereka yang mengada-ada nak lahirkan saya, mereka tanggunglah bebannya!" Begitu balasan anak pada susah payah orang tua yang membesarkannya.

Sikap mementingkan diri yang disuburkan tanpa kawalan

dalam fahaman sekular telah meletakkan rumahtangga dalam ketegangan dan pecah-belah. Tinggal serumah tetapi hati berjauhan. Hidup terasa dalam penjara; rasa terpaksa untuk ikut kata, terpaksa untuk buat kerja, terpaksa segala-galanya. Ibu bapa seolah-olah menyesal melahirkan orang yang menyeksa hidupnya. Pengorbanan membesarkan anak terasa satu kerugian dan bebanan. Bertemu anak-anak adalah pengalaman yang menjijikkan dan amat menyakitkan.

Kalau di Barat, pecahnya institusi keluarga terlihat bilamana anak kena buat temujanji dahulu sebelum datang ke rumah ibu bapanya. Tanpa temujanji, kedatangannya tidak dilayan atau tertolak. Begitulah sebaliknya ibu bapa yang hendak ke rumah anaknya, kena buat temujanji terlebih dahulu. Gambarkan, buah hati, cahaya mata yang kita tatang-tatang telah jadi orang asing, yang pertemuan dengannya dibataskan oleh undang-undang. Bukankah ini penyakit sosial yang membunuh kebahagiaan hidup manusia? Itulah hasil menganut fahaman dan kehidupan sekular! Sekularisme tidak mampu menyelesaikan masalah antara ibu bapa dan anak-anak. Keadaan yang melanda seluruh dunia ini terbiar sudah sekian lamanya. Ada suara-suara mengkritik tetapi penyelesaiannya tetap tiada! Sebab pengkritik tidak membawa contoh atau tidak memaparkan masyarakat model.

### 3. Guru dan murid

Sebagaimana rosaknya hati dan fikiran anak-anak terhadap ibu ayah dan begitu juga sebaliknya, demikianlah yang berlaku di sekolah antara murid dan guru. Antara seorang yang memerlukan ilmu dan didikan dengan yang memberikan ilmu dan didikan. Dunia sekular telah menghanyutkan manusia sampai ke tahap guru dan murid boleh bergaduh, benci-membenci dan biadab terhadap satu sama lain.

Sikap individualistik telah menjahanamkan rasa fitrah. Guru bencikan muridnya dan murid bencikan gurunya. Bukan saja di Barat, bahkan di negara Timur Tengah, yakni negara-negara anak didikan Barat, suasana kehidupan di sekolah sudah teruk sekali. Bukan saja di kelas-kelas pengajian akademik, malah dalam sesetengah kelas pengajian agama sekalipun, sudah berlaku perlakuan guru menjerit-jerit memaki hamun anak murid, anak murid mengangkat-angkat kaki ke meja, duduk terkangkang, melawan guru dan seumpamanya.

Di setengah negara di Timur, termasuk Malaysia, sudah ada sekolah yang jadi 'anak angkat' polis. Yakni polis terpaksa berkawal di sana kerana telah berlaku banyak kes jenayah. Sekolah bukan lagi tempat melahirkan insan berguna tetapi bagaikan kandang harimau dan kambing, yang penghuninya melepaskan selera masing-masing. Hasilnya, bergelimpanganlah bangkai-bangkai "kambing" yang akan membusukkan dunia.

Itulah sekularisme. Ia membuatkan guru-guru bekerja kerana makan gaji dan murid pun belajar untuk suatu hari nanti juga akan dapat makan gaji. Kegilaan pada gaji telah mencabut rasa murni seorang guru untuk melayan dan mendidik muridnya dengan sebaik-baiknya. Juga memi bunuh rasa murni murid untuk sayang dan hormatkan gurunya. Tiap-tiap hari guru tunggu gaji sedangkan hati jauh sekali untuk bertemu dengan murid. Murid pula ghairah dengan pekerjaan bergaji besar, tetapi malas sekali ke sekolah untuk berdepan dengan harimau-harimau garang di depan kelas.

Itulah kehidupan di sekolah dalam alam sekular. Pusat pendidikan jadi tempat yang penuh masalah. Sekularisme tidak mampu menyelesaikan masalah yang kronik ini dan membiarkannya menjadi budaya yang menyeksakan hidup manusia.

**4. Ketua pejabat dengan kakitangan**

Manusia-manusia yang bermasalah di rumah, seperti yang dihuraikan di atas, tentu menyambung atau mengulang masalah yang sama di tempat kerja. Sedangkan dengan ibu ayah pun tidak berlaku kasih sayang, inikan pula dengan kawan-kawan. Tentu lebih-lebih lagi tidak boleh berbaik-baik. Akibatnya, manusia akan sentiasa tegang (tension). Bermula dalam perjalanan hendak ke pejabat lagi, sudah terganggu oleh masalah jalan raya, manakala di pejabat terpaksa bertemu dengan bos yang bagaikan singa garang. Atau bos yang bersikap pilih kasih. Kawan-kawan sepejabat pula bagaikan musuh. Terhadap kelemahan kita, bukan diberi simpati tetapi dihina-hina dan kita dijatuhkan. Manakala terhadap kejayaan kita pula ada saja yang hasad dengki. Hampir-hampir tidak ada manusia yang mahu bergembira bersama atau bersedih bersama.

Begitulah secara umum keadaan manusia di pejabat-pejabat masyarakat sekular. Majoriti pekerja pejabat yang punya sijil-sijil tinggi dan rendah itu, tidak ada ilmu bagaimana hendak cetuskan suasana pejabat yang setiap orang saling berkasih sayang; yang melegakan ketegangan jiwa dan fikiran manusia-manusia di dalamnya. Ketua-ketua pejabat tidak tahu hendak kontrol suasana yang tidak damai itu. Kerana dia sendiri tidak pandai kontrol hati atau perasaannya.

Ilmu sekular walaupun sudah cukup tinggi, tidak berupaya menyelamatkan manusia dari masalah-masalah hidup mereka. Manusia cuma disuruh bekerja macam mesin-mesin dalam pejabat itu. Sedangkan perasaan dan fikiran manusia tidak diurus supaya selari dan teratur. Jadilah manusia macam mesin rosak, yang bekerja tersangkut-sangkut, tidak beres dan kurang berhasil. Berbeza dengan mesin sihat, yang khidmatnya cemerlang sekali. Sekularisme tidak tahu merawat jiwa dan fikiran manusia. Ia cuma tahu menangani

hal-ha1 lahiriah semata-mata. Sebab itu manusia-manusia rosak jiwanya oleh ideologi Barat yang karut ini walaupun kemajuan lahiriahnya menjangkau langit.

## 5. Di tengah masyarakat

Gambaran yang dapat dilihat di tengah masyarakat sekular, yang telah memisahkan roh manusia daripada fizikalnya, yang telah mencabut fitrah murni kerana mengutamakan nafsu, yang telah mengenepikan nilai-nilai kasih sayang kerana mementingkan kebendaan dan diri sendiri, ialah:

a. Wujud kasta-kasta dalam masyarakat. Jurang kehidupan antara orang besar dengan orang kecil, orang kaya dengan orang miskin amat ketara. Jangan harap orang-orang bawahan boleh berkawan dengan orang atasan. Jangan harap orang-orang miskin boleh bebas pergi ke rumah orang kaya. Ada pagar-pagar besi yang mengepung rumah-rumah orang-orang kaya daripada dimasuki oleh sebarang orang. Alangkah kejamnya pemandangan ini. Sedangkan dalam masyarakat manusia yang baik, orang kaya menjadikan rumahnya pentas orang miskin berhibur, dengan kenduri, khidmat dan silaturrahim.

b. Dalam masyarakat sekular, kalau seseorang itu tersesat di tengah bandar, cukup sulit baginya mendapatkan pertolongan. Walaupun ribuan manusia lain ada di sekeliling kita, jangan harap mereka mudah-mudah mahu tolong. Rasanya lebih baik kalau sesat di hutan. Sebab kita tidak takut ditipu oleh binatang.

c. Muda-mudi sekular di zaman ini sudah rosak sama sekali. Mereka bukan lagi ‘Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara”. Bahkan mereka jadi pemuda dan pemudi yang menjadi masalah pada negara. Ya, ada yang baik, yang berusaha untuk mempertahankan bangsa dan negara.

Tetapi kecil bilangannya dibandingkan dengan yang berfoya-foya, derhaka, leka dan bermain-main.

Ertinya, sistem pendidikan sekular gagal melahirkan manusia-manusia yang bertanggungjawab pada keluarga, agama, bangsa dan tanahair. Sekularisme tidak ada cara untuk memproses manusia supaya berfungsi sebagai manusia. Nafsu sahaja yang digemukkan, tapi roh atau jiwa dan akal manusia tidak dibentuk untuk berfungsi menjadikan manusia itu betul-betul manusia. Akhirnya, manusia mendekati watak haiwan atau syaitan. Demikian acuan yang rosak mengeluarkan kuih yang juga rosak.

Di tengah kehidupan, manusia saling ejek-mengejek dan perli-memerli. Kata-mengata jadi budaya biasa. Orang besar, cakap pun besar dan meninggi. Terhadap rakyat, mereka mengugut-ugut. Orang bawah tiada tempat dalam masyarakat. Bantuan kepada mereka hanya untuk orang yang sebulu. Di negara Barat, terutamanya, sebahagian besar polis macam harimau; walaupun tidak menerkam, tetapi mengaum-ngaum, menggertak-gertak dan menakut-nakutkan orang awam. Demikian sifat-sifat manusia yang sudah hilang perikemanusiaan.

**6. Negara dengan negara**

Hasil mengamalkan ajaran sekular, antara jiran pun saling tidak kenal, apalagilah antara dua negara. Umumnya negara sekular yang berjiran saling menyimpan dendam kesumat antara satu sama lain. Sempadan antara negara adalah kawasan yang sangat sensitif. Rakyat berada dalam keadaan sulit dan susah. Sebab tersilap s&it, timbullah peperangan dan pergaduhan antara dua negara. Ia boleh berlaku bila-bila masa saja.

-1nikah kebaikan, keadilan dan keselamatan yang diperjuangkan? Sedangkan sepatutnya negara-negara yang ber-

jiran saling berbaik-baik, saling membuka pintu untuk rakyat masing-masing ziarah-menziarahi dan melihat negara orang. Sempadan tidak perlu dipagar dan pasport antarabangsa sepatutnya tidak perlu diwajibkan. Tetapi mengapa tidak jadi begitu?

Saya rasa kalau ini bukan sengaja dirancang untuk rosakkan dunia, ia disebabkan manusia sudah tidak tahu untuk cetuskan kasih sayang, keharmonian dan keselamatan di kalangan mereka. Mereka tidak tahu hendak mendidik, memimpin dan membentuk manusia supaya tidak bergaduh, dan bermusuh, sebaliknya hidup berkasih sayang dan bekerjasama. Kerana tidak nampak jalan ke sana, maka mereka biarkan manusia berada dalam suasana hidup yang tegang, kusut dan menggelisahkan.

Di rumah tidak seronok, dalam perjalanan tidak tenang, di sekolah atau pejabat tidak terhibur, suasana politik memeningkan kepala dan di tengah masyarakat tidak ada ketenteraman. Maka hiduplah manusia seolah-olah di tengah kumpulan kambing, serigala, ular, harimau dan lain-lain lagi. Hidup terasa jadi buruan dan pelarian. Inilah watak dunia dan manusia sekular, yang sudah beratus-ratus tahun mencorak dunia. Manusia hilang seri wajah dan sakit jiwa. Ramai yang masuk ke hospital jiwa daripada yang masuk ke universiti-universiti.

Siapakah yang hendak disalahkan dan di manakah titik awal penyelesaian masalah ini? Lebih baik kita menyalahkan diri sendiri, lalu mengajak diri untuk membaiki keadaan. Sesudah segala ideologi ternyata gagal memberi kebahagiaan kepada manusia dan dunia, apa kata kalau kita tanya Tuhan, yakni merujuk kepada ajaran Tuhan. Sebab Zat yang paling tahu tentang manusia ini, bukan manusia tetapi Tuhan yang mencipta manusia. Jadi tentu Tuhan tahu bagaimana hendak membaiki manusia-manusia yang sudah rosak ini termasuk dir-i kita.

Kalau kita jujur dalam ha1 ini, sesungguhnya jalan keluamya pasti ada! Masyarakat model yang baik, sebaik yang kita mahukan, pernah muncul di dunia ini satu masa dulu. Kalau kita rujuk ke sana, rasanya kita juga akan berpeluang untuk mengecapi suasana hidup di dalamnya.

Pada-Mu ya Tuhan, kami nyatakan keinginan yang sungguh-sungguh, untuk kembali ke hadrat-Mu. Untuk itu, datangkanlah seorang pemimpin penyelamat yang boleh memulakan kerja-kerja ini, untuk kami mengikut jejak-jejaknya. Tanpanya, bagaimana kami boleh mulakan perjalanan yang asing dan sulit ini!

BAB 6

# *Gambaran Kehidupan Masyarakat Yang Berkasih Sayang*

BERAPA RAMAI manusia hari ini yang sedang menderita kerana masalah hidupnya. Ibu bapa menderita kerana anak-anak derhaka. Anak-anak menderita di rumah-rumah mewah kerana ibu bapa entah ke mana dengan dunianya. Suami menderita kerana isteri derhaka. Isteri menderita kerana suami tidak bertanggungjawab atau suka berfoya-foya di luar rumah.

Cerita-cerita hidup masyarakat harian, perihal pecah-belahnya rumahtangga, adalah cerita biasa yang berlaku di mana-mana. Mungkin sedikit saja rumah-rumah yang penghuninya tiada masalah. Manakala secara umumnya, rumahtangga-rumahtangga hari ini sedang bergoyang, retak dan pecah; baik rumahtangga orang Islam atau yang bukan Islam. Rumahtangga orang kaya dan orang besar lebih parah lagi.

Demikian juga halnya dalam institusi-institusi masyarakat yang lain. Umumnya mereka sedang berdepan dengan masalah sesama kakitangan. Masing-masing salah-menyalahkan, saling tidak mempedulikan dan hidup nafsi-nafsi. Saya bertemu ramai ketua pejabat dan ketua masyarakat yang merungutkan masalah-masalah ini. Saya juga mendengar berbagai-bagai cerita punahnya hubungan dalam keluarga, dalam politik, dalam perniagaan, dalam alam pendidikan dan dalam masyarakat keseluruhan.

Umumnya manusia gelisah dengan hidup yang begitu. Tetapi bagaimana ia boleh diselesaikan? Itulah persoalan yang bermain-main di fikiran orang ramai yang sudah tidak tahan dengan hidup yang memeningkan kepala dan menegangkan jiwa. Kemewahan dan kemajuan tidak membawa erti apa-apa lagi.

Saya bukanlah pakar kaji masyarakat atau doktor manusia, tapi saya ada satu model yang boleh diketengahkan untuk panduan kita dalam mencari jalan penyelesaian kepada masalah hidup masyarakat kini. Model itu ialah **masyarakat Islam contoh** yang pernah menguasai dunia suatu masa dahulu. Saya telah cuba mempraktikkan model kehidupan mereka itu bersama kawan-kawan sejemaah. Ya, terasa sungguh indah walaupun masih di peringkat percubaan. Ia membawa kita keluar dari alam kehidupan yang gelisah dan tegang, kepada kehidupan yang agak lega dart tenang! Saya akan perturunkan gambaran kehidupan masyarakat contoh ini. Supaya kita dapat melihat dan membezakannya dengan watak masyarakat sekular dan masyarakat Barat yang menjadi kiblat dunia kini. Ia bukan mimpi atau khayalan, tetapi adalah kenyataan yang pemah dialami oleh manusia di tiga perempat bahagian dunia pada zaman salafussoleh.

Memang ia begitu ideal jika dibandingkan dengan kehidupan rosak yang sedang berlaku di dunia kini. Namun ia adalah praktikal dan boleh berlaku sekali lagi kalau kita berusaha bersungguh-sungguh menempuh jalan-jalannya.

Inilah gambaran masyarakat berkasih sayang itu:

### 1. Antara Suami dan Isteri

Gambaran hidup mereka dari sejak mula kahwin hingga ke tua dan beranak cucu, adalah bagaikan pengantin. Meng&a? Kerana hati mereka diikat oleh ketenangan, kasih

sayang dan cinta. Isteri menunggu kepulangan suami dengan rindu. Suami tidak sabar untuk bertemu dengan isteri yang akan melayannya sepenuh hati. Isteri mengkagumi suaminya yang padanya adalah manusia yang telah menyelamat dan menyempumakan hidupnya. Salah silap suami padanya adalah kecil dan mudah saja untuk dimaafkannya. Suami pula sering rindu pada isteri yang bila dipandang menenangkan hati; bila disuruh, sangat taat. Cakapnya tidak meninggi. Maka terikatlah mereka oleh baik sangka, hormat-menghormati, ketenangan, kasih sayang dan cinta. Mereka sering berdua, tidak jemu-jemu walaupun sudah tua.

Kalau orang tilem cuma bermesra di layar perak, berlakon dan berpura-pura di hadapan umum, tapi suami isteri ini merealisasikan kemesraan itu dalam realiti hidup mereka. Mereka membina syurga dunia. Bukan mereka tidak ada masalah, tapi watak hidup mereka ialah mampu mengatasi masalah, bukan dihanyutkan oleh masalah. Rumahtangga mereka .sungguh teratur. Kerjasama mereka telah menyempurnakan sistem kekeluargaan dari semua aspek.

ALLAH berfirman:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟
إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ
لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

***Di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu merasa damai dan tenang dengannya dan Dia menjadikan di antaramu rasa kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu cukup sebagai bukti (kehebatan ALLAH) bagi kaum yang berfikir.***

(Ar Rum: 21)

## 2. Antara Ibu Bapa Dan Anak-anak

Anak-anak adalah cahaya mata dan harta yang amat berguna. Yakni bilamana mereka dicorak dan dibentuk tepat pada fungsinya. Lalu mereka akan membawa cahaya dalam hidup serta memberi kekayaan yang berbagai-bagai jenis-nya. Ibu bapa sentiasa rasa bahagia dihiburkan oleh anak-anaknya. Ketika dikelilingi oleh anak-anak, ibu bapa bagaikan raja dikerumuni rakyat. Penuh kebesaran kerana penghormatan oleh anak-anaknya.

Ya, anak-anak sangat kasih dan hormat serta memulia-kan orang tua kerana mereka kenal kedua-dua orang tua itu. Anak-anak rasa menderita bilamana telah mencacatkan hati orang tua. Kata-kata orang tua walaupun kecil tapi dianggap besar. Dengan itu ibu ayah akan rasa bahagia melahirkan anak-anaknya. Pengorbanan apa saja sanggup diberikan demi kebahagiaan anak-anaknya.

Perhatian dan perasaan kasih dilimpahkan. Segala ke-susahan menanggung beban anak-anak dirasakan kebaha-giaan dan kepuasan hidup. Anak-anak pula amat terhutang budi dan terhibur, menjadikan mereka makin kasih, hormat dan taat. Mereka rela melaksanakan amanah-amanah ibu bapa serta kerja-kerja rumah dengan gigih dan terhibur. Maka jadilah keluarga itu penuh dengan kemesraan, hibur-an, rasa bertanggungjawab, bahagia dan harmoni.

## 3. Antara Guru Dengan Murid

Guru bagaikan ibu bapa kedua kepada murid. Kalau ibu bapa kandung inemberi tempat tinggal, pakaian dan makan minum, maka ibu bapa kedua ini memberi ilmu, didikan, akhlak, kepandaian dan kehidupan. Guru-guru mengambil tahu dan memberi perhatian lahir dan batin kepada murid-murid. Selesai mengajar secara formal, dia berkumpul dan bergaul mesra dengan murid. Sering makan dan tidur baring

bersama-sama murid dengan penuh kasih sayang. Dilayannya anak-anak muridnya bagaikan ibu terhadap anak-anak.

Murid yang lemah dikasihani, yang silap ditegur dengan baik. Kejayaan murid terasa kejayaannya. Sebarang bantuan yang murid perlukan sama ada buah fikiran atau wang ringgit, bila-bila masa diberikan. Dengan pemberiannya itu, dia terasa bahagia. Ketiadaan murid terasa satu kekosongan.

Itulah guru yang penyayang. Guru yang akan disanjung dan dijulang oleh murid. Waktu ketiadaannya, murid terasa kehilangan. Kehadirannya membuatkan murid rindu untuk ke sekolah, menerima ilmu dan arahannya. Murid sanggup belajar lebih masa bersamanya. Murid akan lebih pandai dari biasa kerananya. Murid akan membela dan memberi penghormatan padanya. Murid-murid akan mengikut arahan dan meniru peribadinya. Murid akan berkorban apa saja untuknya.

Hasil jalinan kasih sayang ini, sekolah akan jadi model pendidikan yang agung. Kejayaan besar dalam berbagai bidang akan diperolehi. Undang-undang sekolah dipatuhi bukan kerana takut, tetapi kerana sayang dan hormat pada guru. Murid malu dan merasa tidak patut berkelakuan jahat pada guru yang terlalu baik padanya.

### 4. Antara Anggota Masyarakat

Dalam kampung atau daerah atau negeri atau negara itu, masyarakatnya terdiri dari bermacam-macam golongan; orang tua, orang muda, dewasa dan kanak-kanak, orang kaya, orang besar, orang pandai, orang miskin, orang cacat, orang sakit dan macam-macam lagi. Walaupun nampaknya berbeza taraf dan peringkat namun mereka hidup bersama tanpa jurang antara mereka dan tidak terpisah-pisah.

Seumpama dalam sebuah keluarga besar. Si abang menolong si adik; si adik membantu si abang dan mentaati

arahan. Begitulah dalam masyarakat. Orang pandai membantu yang jahil. Orang kaya belas kasihan dan menolong yang miskin. Orang sihat menziarahi yang sakit. Muda-mudi hormat dan taat dengan orang-orang tua. Orang-orang dewasa bertanggungjawab pada remaja. Ulama-ulama bekerja keras mendidik dan mengawal masyarakat agar aman dan selamat. Semua golongan terikat antara satu sama lain. Saling merindui bila berpisah. Terasa bahagia bila bertemu. Semua golongan membentuk dan membina masyarakat menjadi teguh dan maju.

**5. Antara Pemerintah Dengan Rakyat atau Pemimpin Dengan Pengikut**

Seorang pemerintah atau pemimpin terhadap rakyat atau pengikut adalah umpama ayah dan ibu terhadap anak-anak. Rakyat merasakan pemimpin itu ibu ayah yang akan memandunya kepada kesempumaan hidup dunia dan Akhirat. Peranan itu sama pentingnya dengan peranan ibu ayah kandung atau mungkin lebih lagi. Kerana pemimpin atau pemerintah menentukan kebahagiaan hidup rakyatnya di dunia dan Akhirat.

Pemerintah atau pemimpin menjatuhkan pandangan kepada rakyat dan pengikut seperti ibu bapa memandang pada anak-anak. Penuh kasih dan penuh rasa tanggungjawab. Maka bermesralah mereka dengan rakyat bagaikan ayah dengan anak. Saling bertemu, bertanya khabar dan membincangkan masalah hidup. Pemimpin membuka peluang-peluang bertanya dan mengadu. Kemudian menghulurkan bantuan lahiriah dan maknawiyah (batiniah). Dicarilah jalan-jalan kemudahan dan keselamatan hidup untuk anak-anaknya (rakyat). Diajar dan dididik mereka tentang erti dan cara hidup yang sebaik-baiknya. Hingga pemimpin tidak rehat dari tugasnya memikirkan dan membantu rakyat.

Segala pengorbanan dicurahkan demi membina sistem

dan tamadun yang menguntungkan negara dan rakyat. Harta rakyat tidak disalahgunakan. Nasib rakyat tidak dibiarkan. Rakyat dilayan dengan penuh tanggungjawab. Tidak ada penzaliman, penindasan, ugutan dan herdikan dalam kepimpinan dan cara didikannya. Hati menderita kalau keperluan rakyat tidak tertunai. Pemimpin betul-betul menjadi payung untuk melindungi rakyat.

Itulah pemimpin yang menyayangi dan disayangi rakyat. Yang rakyat tentunya akan membalas pengorbanan tersebut dengan menyerahkan seluruh ketaatan dan penghormatan pada ketua yang dianggap ibu ayahnya itu. Pejuangan pemimpin dibantu dan dijayakan. Keselamatan dan kehidupan pemimpin dikawal dan dijaga. Bahkan pemimpin didoakan selalu.

Kalau ada orang cacatkan pemimpin, mesti dibelanya. Kesalahan pemimpin dimaafkan dan didoakan. Kebaikan pemimpin dihebah-hebah dan dicontohi. Pemimpin dicintai dengan sepenuh hati..Kata-kata pemimpin dibesarkan. Pengorbanan bersama pemimpin dibuat sepenuh hati. Hingga negara dan masyarakat atau jemaah jadi benar-benar kaya, makmur, aman dan damai.

Itulah kesan bila rakyat dan pemimpin sayang-menyayangi. Tidak ada rakyat yang khianat dan belot pada pemimpin walaupun di belakangnya. Pemimpin pula tidak mengkhianati dan menzalimi rakyat. Berlakulah perintah ALLAH:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ

***Wahai orang yang beriman, taatlah kepada ALLAH, taatlah kepada Rasul dan pemimpin di kalangan kamu.***

(An Nisa': 59)

## 6. Antara Majikan D*n Buruh atau Ketua Pejabat Dengan Kakitangannya

Seorang majikan atau ketua pejabat tidak memandang pekerjanya sebagai kuli atau buruh atau hambanya tapi dilihat sebagai orang-orangnya atau anggota keluarganya yang akan bersama-sama menjayakan sesuatu projek. Maka yang pertama dilakukan oleh majikan atau ketua pejabat ialah menyempurnakan keperluan hidup pekerja-pekerjanya. Yakni tidak terlalu kurang dan tidak terlalu berlebihan dalam memenuhi keperluan mereka. Dan majikan atau ketua pejabat juga memastikan pekerjanya mendapat pimpinan dan didikan supaya menjadi orang yang berdisiplin, berakhlak dan pandai bekerja.

Kemesraan, kenal-mengenal dan hidup bersama sangat dianjurkan. Masalah yang ditanggung, kejayaan yang dicapai dan keselamatan syarikat dikongsi bersama. Susah sama-sama ditanggung, senang sama-sama dirasa. Kejayaan syarikat dirasakan hasil kerja keras pekerjanya. Dia terhutang budi pada pekerjanya. Dia benar-benar menjadikan pekerjanya itu bagaikan ahli keluarganya. Kesilapan mereka ditegur dengan penuh kasih sayang.

Al hasil, majikan mendapat imbangan dari pengorbanannya. Pekerja sayang dan kagum padanya dan krisis majikan-buruh tidak berlaku. Pekerja menjalankan kerja mereka bukan lagi kerana gaji tapi kerana sayang pada majikan dan ingin sama-sama menjayakan projek atau perjalanan syarikatnya demi kepentingan masyarakat umum. Mereka bukan saja tidak menipu atau curi tulang dan lain-lain, bahkan merasakan syarikat tempat mereka bekerja sebagai kepunyaan diri mereka juga untuk sama-sama dijaga. Mereka sanggup bekerja lebih masa secara sukarela dan tanpa perlu arahan demi kepentingan dan keperluan syarikat. Mereka sanggup berkorban demi kejayaan syarikat dan rasa bersalah kalau cuai dalam tugas. Mutu bahan

keluaran dipelihara dan nama syarikat dan nama ketuanya" sangat dipertahankan. Al hasil, akan makmurlah kehidupan syarikat dan manusia-manusianya kerana adanya suasana berkasih sayang.

Demikianlah sebahagian wajah masyarakat yang berkasih sayang. Masing-masing melupakan kepentingan peribadi demi keselamatan bersama. Alangkah cantik dan indahnya. Siapa tidak rindu untuk berada di dalamnya? Kerana ia, pernah berlaku di dunia ini suatu masa dahulu. Kehidupan. yang indah itu pernah jadi budaya, tradisi dan cara hidup masyarakat harian waktu itu. Ia menjadi amalan dunia dan watak masyarakatnya. Yakni hasil perjuangan suci oleh seorang manusia agung yang' membawa budaya mulia itu iaitu **Muhammad bin Abdullah,** Rasulullah SAW.

Budaya mulia itu telah membuat dunia tunduk pada Islam dan menjadikan kehidupan begitu istimewa. Namun bilamana ia ditentang oleh sikap hidup sekular, hasil perjuangan orang-orang jahat yang berkepentingan membawa budaya gila dunia yang materialistik dan individualistik, maka berubahlah wajah dunia kepada rupanya yang sekarang.

Manusia bukan lagi berlumba-lumba membuat kebaikan tapi saling tekan-menekan untuk merebut kekayaan, kekuasaan, jawatan, nama, pengaruh dan lain-lain. Lalu hilanglah kemanusiaan dari kehidupan manusia, diganti dengan budaya kebinatangan. Siapa kuat dia menang. Yang besar menerkam dan menelan yang lemah. Hinggakan suami dan isteri, anak dan ayah pun masing-masing rakus mempertahankan kepentingan dan hak diri sendiri. Masing-masing tidak bersedia berkorban demi menjaga hati orang lain. Maka terjadilah peperangan, bukan di tengah medan, tetapi di dalam rumah dan di dalam kelambu.

Kemanusiaan dan fitrah murni hilang sama sekali, di-

hanyutkan oleh budaya sekular yang sudah menguasai dunia. Akibatnya, semua manusia menerima kesusahan dengan caranya yang tersendiri. Sedangkan setiap hati berharap agar hidupnya indah dan bahagia. Masing-masing merindui hidup berkasih sayang. Semua sudah serik dan bosan dengan budaya binatang yang menyeksakan hidup mereka.

Untuk itu, mari kita perjuangkan budaya hidup yang kita rindukan itu. Kita ambil model masyarakat penyayang yang pernah wujud di dunia ini, kita bina dan laksanakan dalam seluruh kehidupan. Untuk itu juga, kita sangat perlu pada pimpinan yang jujur, panduan dan didikan untuk berkorban. Hasilnya nanti, kita pasti akan mengecap kembali budaya agung yang telah lama hilang.

Dunia akan sekali lagi dikuasai oleh manusia yang saling berkasih sayang! Insya-ALLAH. Firman ALLAH:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنتَ لَهُمْ ۖ وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ
لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ۖ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي
الْأَمْرِ ۖ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

***Maka dengan rahmat ALLAH-lah kamu dapat berlaku lemah-lembut dan kasih sayang pada mereka. Dan jikalau kamu berkasar dan berkeras hati nescaya mereka*** akan menjauhkan diri darimu. ***Oleh*** itu ***maafkanlah mereka dan minta ampunlah untuk mereka, bermesyuaratlah dengan mereka di dalam sesuatu urusan. Apabila sudah dipersetujui laksanakan dengan bertawakkal kepada ALLAH, sesungguhnya ALLAH sukakan orang yang bertawakkal.***

(Ali Imran: 159)

BAB 7

# *Penghalang-Penghalang Terjalinnya Kasih Sayang*

MANUSIA DICIPTAKAN sungguh istimewa, rumit dan pelik. Bukan saja ciptaan lahiriah dan fizikalnya yang sangat hebat, tetapi ciptaan yang batiniah atau maknawiahnya lebih-lebih lagi luar biasa dan maha hebat.

Lihat sifat akal yang boleh memahami, menghurai, menyimpan, mengeluarkan maklumat dan lain-lain lagi. Lihat pula sifat hati yang boleh merasai berbagai-bagai jenis rasa. Ada rasa yang bersifat positif dan ada juga yang negatif.

Mengapa manusia diciptakan dalam keadaan demikian? Bagaimana manusia harus mengimbangkan dirinya supaya ia menjadi sebaik-baik makhluk? Ini adalah persoalan yang mesti dicari jawapannya. Kalau tidak, tentu manusia akan tersalah dalam memperlakukan dirinya dan nasib malang pasti menimpa dirinya. Ibarat kita diberikan hadiah sebilah pisau, kita mesti tahu bahawa pisau mempunyai fungsi yang positif dan negatif. Bila dan bagaimana keduanya berfungsi mesti dipelajari dan diikuti supaya kita mendapat kebaikan darinya dan selamat dari keburukannya.

Ya, berhubung dengan persoalan diri manusia itu, yang kita katakan bersifat ingin disayangi, mengapa pula terjadi ha1 sebaliknya iaitu manusia tidak ingin menyayangi orang lain? Lojiknya, kalau kita mahu orang sayangkan kita tentu kita dulu yang sayangkan orang lain. Barulah kasih ber-

balas. Sebagaimana juga kalau kita tidak suka orang marah pada kita, kita jangan marahkan orang lain. Tetapi sifat pelik manusia ini ialah dia mahu disayangi tetapi tidak pula suka menyayangi.

Dalam pada dia harap orang sayang padanya, dia marah-marahkan orang atau membuat perkara-perkara yang menjadikan orang tidak sayangkannya. Mengapa dia tidak memberi kasih sayang kalau dia benar-benar mengharapkan kasih sayang? Mengapa dia tidak beri simpati kalau dia mengharapkan simpati? Mengapa tidak menghormati orang lain kalau ingin dihormati?

Bukankah sepatutnya dia betikir untuk memberi kasih sayang kepada orang supaya orang itu pula memberi kasih padanya? Ini tidak, dia saja harap orang kasih padanya, tetapi dia sendiri tidak kasihkan orang. Hingga akibatnya tiada manusia yang mendapat kasih sayang dari manusia lain, kerana berpunca dari tidak memberi kasih pada orang.

Mengapakah ha1 ini terjadi? Al Quran ada member-i sebab-sebabnya dan cara-cara mengatasi masalah ini.

1. Terdapat ayat-ayat yang berbunyi:

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

***Sesungguhnya nafsu ammarah itu sangat mengajak kepada kejahatan.***

**(Yusuf: 53)**

إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

***Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh (batiniah) yang nyata.***

**(Yasin: 60)**

Ya, rupa-rupanya dalam seketul hati anak Adam itu diciptakan juga sejahat-jahat musuh manusia. Musuh dalam diri lebih bahaya dari musuh dalam selimut. Musuh dalam diri boleh bawa manusia ke Neraka dunia dan Akhirat, kerana musuh-musuh batin menimbulkan sifat-sifat keji dalam hati yang menjahanamkan hidup manusia. Apakah dia sifat-sifat hati yang akan menjahanamkan hidup manusia itu?

Di antaranya ialah sombong atau takabur atau ego, sifat pemarah, sifat bermegah-megah, hasad dengki, bakhil, riyak (menunjuk-nunjuk) dan lain-lain lagi. Sifat-sifat ini, yang disebut sebagai sifat mazmumah, sangat mendorong manusia berkrisis dengan manusia lain dan sangat menghalang manusia dari memberi kasih sayang pada manusia lain, bilamana manusia memperturutkan mazmumahnya. Ertinya dia tidak dapat menyayangi orang lain dan orang lain pun benci padanya, kerana kejahatan-kejahatan yang diperturutkan. Yang kejahatan itu dibenci oleh manusia.

Inilah sebab utama dan penting mengapa manusia yang ingin dia disayangi, tidak dapat menyayangi manusia lain. Dia suka kebaikan dilakukan padanya tetapi tidak dapat melakukan kebaikan pada orang lain.

Seorang yang sombong, akan membesar-besarkan dirinya di depan orang lain, tidak mesra dan tidak merendah diri, hingga orang lain takut dan benci padanya. Orang tidak jadi hendak sayang padanya, walaupun dia itu cantik, pandai, berjawatan dan lain-lain keistimewaan ada padanya. Orang kagum padanya tetapi takut untuk mendekatinya. Maka dia tipak memperolehi kasih sayang yang patut diperolehi dan yang diingininya. Sedangkan kalau dia tidak sombong, dengan keistimewaannya itu sudah cukup untuk dia disayangi dan menyayangi.

Demikianlah mazmumah; ia menghalang manusia hingga manusia tidak lagi sayang-menyayangi bahkan benci-

membenci. Hal ini berlaku di kalangan manusia sebangsa dan seagama yang tiada hubungan darah.

2. Bagi mereka yang ada hubungan darah seperti antara ibu dan anak atau antara suami dan isteri, yang kasih antara mereka bersifat tabi'i atau semulajadi, mungkin mazmumah itu tidak sehebat pada orang lain. Ertinya, ayah biasanya tidak sombong pada anak dan sebaliknya anak pun tidaklah menyombong dengan ibu bapa. Tetapi mengapa pula tidak timbul kasih sayang?

Saya kira dalam soal ini, kasih tabi'i tidak dapat disuburkan kerana dihalang oleh kejahilan. Yakni masing-masing pihak tidak tahu pentingnya kasih sayang disuburkan dan tidak tahu juga bagaimana cara memberi kasih. Mereka tidak diajar tentang itu sarna ada di rumah atau di sekolah. Bila tidak dididik maka syaitanlah yang mengajarkan; supaya anak-anak meninggi suara dengan ibu ayah, ibu ayah pula suka berleter dan berkasar dengan anak-anak. Padahal mereka saling kasih-mengasihi. Tawarlah hati bila demikian keadaannya.

Demikian juga guru dengan murid, antara mereka tidaklah berhasad dengki tetapi kerana tidak pandai membuktikan kasih, akhirnya pecah hati masing-masing.

Begitu jugalah suami isteri, memang saling cinta-menyintai (cinta nafsu) tetapi kerana tidak tahu atau tidak pandai melayan perasaan antara satu sama lain, akhirnya pecah-belah. Ya, akibat tidak belajar tentang ilmu memberi dan memelihara kasih sayang, maka nafsu dan syaitanlah yang mengajar hingga punahlah cinta tabi'i dan kasih biologi itu.

3. Penghalang lain yang membuatkan manusia tidak mampu mengekalkan kasih sayang sesamanya ialah sifat tidak sabar dengan ragam kawan. Katakanlah dua orang

yang berkawan itu saling berkasih sayang, kerana masing-masing pandai menjaga hati dan memberi kasih. Tetapi kasih antara mereka masih boleh terlerai kalau ada sifat tidak sabar dengan kejahatan dan kesilapan atau kerenah satu sama lain. Sedangkan manusia tidak sunyi dari salah dan silap. Misalnya, si kawan asyik bertanya itu dan ini hingga dia jemu melayan, lalu hilanglah sabamya. Maka dia pun bermasam muka atau menjauh diri atau memberontak. Lalu hilanglah kasih sayang. Sedangkan kalau dia boleh bersabar, tentu kasih yang sudah ada boleh dikekalkan.

4. Kita tentu akui bahawa dalam pada kita ada perasaan ingin disayangi orang, kita juga bersifat sangat mementingkan dir-i sendiri. Sifat ini membuatkan kita kurang memikirkan kepentingan dan perasaan orang lain kerana terlalu memikirkan nasib kita. Kita kurang simpati dengan kesusahan orang lain, sebaliknya lebih menimbang-nimbangkan dir-i dan keluarga sendiri. Akibatnya, kita akan sanggup lihat orang susah asalkan kita senang.

Sebab itulah terjadinya kisah-kisah pemimpin-pemimpin negara menyalahgunakan kuasa negara dan rakyat. Peniaga-peniaga menaikkan harga barang dengan kadar yang tidak patut, memonopoli kekayaan, membayar gaji yang terlalu rendah kepada ‘buruh dan lain-lain lagi. Sikap tolak-ansur, belas kasihan dan simpati pada orang tidak berlaku lagi. Maka tidak peliklah kalau kita lihat hari ini rakyat tidak sayangkan pemimpin, pembeli atau pengguna membenci kapitalis dan lain-lain lagi.

5. Rasa fanatik kaum atau kelompok juga menjadi sebab mengapa kasih sayang terhalang. Bilamana manusia mengikutkan rasa melebihkan puak, dengan sendirinya manusia akan memandang rendah pada puak lain. Bila berlaku demikian, maka masing-masing akan saling ber-

saing, berlumba-lumba dan bergelutan. Hingga tertutuplah pintu-pintu untuk lahimya kasih sayang di antara kumpulan dengan kumpulan.

Saya kira lima hujah di atas sudah cukup untuk memperlihatkan bahawa manusia ini diciptakan dalam keadaan yang sungguh pelik dan ajaib. Kerana dalam dirinya yang, bersifat baik, ada musuhnya yang sangat jahat. Dirinya, yang asalnya cukup baik tetapi telah dirosakkan oleh musuh dalamannya tadi. Dia cinta kebaikan tetapi kerana tertipu, dengan musuh yang ada di dalam dirinya, dia melakukan kejahatan.

Mengapa demikian halnya manusia ini diciptakan? Adilkah ciptaan ini? Bukankah elok kalau manusia itu diciptakan tanpa musuh di dalam dirinya? Ya, mungkin ada pembaca yang menyoal demikian!

Saya rasa Tuhan Maha Bijaksana kerana menjadikan sifat-sifat jahat dan sifat baik dalam dir-i manusia. Kemudian diciptakan pula akal untuk memilih, herfikir dan bertindak. Kalau seseorang itu memilih kebaikan, tentu dia berusaha untuk mendapatkannya. Demikian juga kalau dia memilih kejahatan, tentu dia berusaha pula ke arah itu. Biasanya manusia sanggup berbuat apa saja untuk menjayakan pilihannya. Tetapi ALLAH, kerana menciptakan manusia bukan dengan sia-sia, maka Dia akan mengadili pilihan manusia itu. Firman-Nya:

قَدْ أَفْلَحَ مَن زَكَّىٰهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَن دَسَّىٰهَا ﴿١٠﴾

***Beruntungiah siapa yang mensucikan hatinya. Dan rugilah orang yang mengotorinya.***

(Asy Syam: 9-10)

وَالَّذِينَ جَٰهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا

***Barangsiapa bermujahadah pada jalan Kami, nescaya Kami tunjukkan jalan Kami.***

(Al Ankabut: 69)

Walaupun ALLAH benarkan memilih, namun ALLAH hanya terima hamba-Nya yang memilih kebaikan dan berusaha ke at-ah itu. Siapa yang memilih kejahatan, ALLAH akan adili dan soalkan serta pertanggungjawabkan nanti, bilamana dia dipanggil berpindah ke alam kubur atau Alam Barzakh dan Akhirat. Di sinilah lojiknya adanya kehidupan selepas mati. Supaya manusia diberi keputusan terhadap ujian-ujian yang dihadapkan padanya di dunia. Kalau tidak ada sambungan lagi, ertinya hidup di dunia tiada keputusan, tiada penamat, tiada keadilan dan pembalasan, kepada kejadian-kejadian di dunia yang sifatnya belum selesai atau tamat.

Kalau tidak ada musuh dalam diri, tiada gunalah ada akal. Kalau tidak ada akal, untuk apa manusia ini diciptakan? Cukup dengan malaikat dan binatang-binatang memenuhi alam ini. Begitulah maksud ALLAH terhadap kita ciptaan-Nya. Kalau kita faham hakikat ini, kita akan tahu tujuan hidup, cara-cara untuk hidup dan ke mana sudahnya hidup ini. Sebab semuanya ini ada dalam ‘katalog’ tentang penciptaan manusia ini!

BAB 8

# *Akhlak Penentu Kasih Sayang*

**A K H L A K B A I K** ialah sikap hidup atau perangai atau watak baik yang menjadi amalan tradisi seseorang. Akhlak baik lahir dari hati yang baik. Contoh-contoh akhlak baik ialah bersifat bertolak-ansur, suka menolong, pemurah, tawadhuk, pemaaf dan suka meminta maaf, penyayang, rajin, jujur, ramah mesra, mudah bekerjasama dan lain-lain.

Seseorang yang ada padanya sifat-sifat baik ini adalah seorang yang punya daya tarik yang kuat. Orang akan tertarik dan jatuh hati serta sayang padanya. Walaupun tidak ada padanya keistimewaan-keistimewaan lain yang menarik kasih sayang aradhi atau kasih tabi'i, namun orang tetap sayang kerana faktor akhlak ini. Sebab fitrah manusia sayang pada orang yang berakhlak baik.

Manusia walau apa bangsa dan agama, suka pada akhlak baik. Orang kecil atau besar, kaya atau miskin, lelaki atau perempuan, orang jahat atau baik, semuanya akan jatuh hati kepada orang yang berakhlak baik. Ertinya akhlak baik ini adalah satu sumber kasih sayang yang semua orang, semua bangsa dan agama menerimanya. Ia boleh menjalin kasih sayang antara kawan, manusia berlainan agama dan segala peringkat manusia.

Kasih sayang yang wujud kerana faktor akhlak adalah kasih murni, yang bersih dari sebarang kepentingan. Ia juga

tidak mudah luntur dan tidak akan luntur, kecuali kalau orang yang berakhlak itu tidak berakhlak lagi. Namun akhlak itu tidak mungkin hilang dari manusia sebab ia adalah watak atau perangai yang sudah sebati dengan diri.

Akhlak baik kalau ada pada orang-orang yang sudah berkasih sayang kerana faktor keturunan atau kerana faktor kecantikan dan kebendaan, jasa dan lain-lain, akan membantu menambah dan mengekalkan kasih sayang tersebut. Sebaliknya tanpa akhlak baik, kasih sayang yang dicetuskan oleh faktor-faktor tadi akan cacat dan mungkin lenyap.

Begitulah peranan akhlak baik dalam menentukan hubungan kasih sayang antara manusia sejagat. Ia adalah faktor asas dan utama dalam mencetuskan kasih sayang antara sesama manusia. Sebab kecantikan akhlak diakui oleh semua hati manusia. Ia adalah kecantikan maknawiyah yang mempesona hati setiap orang; sebagaimana kecantikan lahiriah mempesona setiap mata. Kasih sayang kerana akhlak ini tidak akan luntur dan orang akan kenang sampai mati. Beruntunglah orang-orang yang berakhlak baik, kerana mereka mendapat kasih murni yang abadi dari seluruh manusia.

Seorang pemimpin yang berjasa lagi berakhlak baik, tidak sombong, tidak bakhil, tidak mementingkan diri dan keluarga, tidak menyalahgunakan kuasa dan harta negara, tidak mengasingkan diri dari rakyat dan tidak buat maksiat dan mungkar, tentu akan disayangi oleh rakyat. Rakyat pun akan meniru kebaikannya hingga jadilah negara yang didiami itu negara yang baik. Negara jiran dan negara-negara lain pun akan tertarik dengan keindahan di dalamnya, lalu mereka pun akan terdorong untuk berbaik-baik dengan negara tersebut. Orang-orang bukan Islam di dalam dan di luar negara pun jatuh hati dengan keamanan dan keadilan yang dapat dilihat dan dirasai, hingga mereka pun hidup berbaik-baik.

Dernikianlah kesan-kesan baik kepada negara dan masyarakat bilamana akhlak baik itu dipraktikkan oleh pemerintah atau pemimpin, juga oleh rakyat jelata. Semua pihak terhibur dan saling hormat-menghormati dart berkasih sayang.

Tanpa akhlak baik, rakyat dan pemimpin saling bersenget dan bersakit hati. Inilah apa yang sedang berlaku sekarang dalam negara dan masyarakat dunia. Tidak ada negara yang memperjuangkan dan mempraktikkan akhlak baik. Maka suasana di dalamnya tegang, tiada hiburan dan tiada kasih sayang. Sebab akhlak itu adalah hiburan yang sejati. Lalu untuk menghiburkan hati rakyat dan pemimpin, masing-masing mencari dengan cara yang tidak bersih lagi. Yang perkara-perkara itu bukan menghiburkan tapi sekadar melalaikan dan membuat manusia lupa sebentar pada masalah. Sebenarnya arak, zina, disko, pergaulan bebas, perabot mewah dan lain-lain itu bukan menenangkan jiwa, bukan menghibur hati, tapi membuat manusia 'ghalit' dari masalahnya. Bila selesai 'berhibur', jiwa kembali dibebani masalah yang ditanggung.

Hal ini tidak berlaku kalau manusia berhibur dengan hiburan sejati yakni dengan iman dan akhlak baik. Selain menenangkan jiwa, hiburan sejati membawa berbagai-bagai kesan positif kepada masyarakat dan negara. Sedangkan hiburan palsu melalui maksiat, bukan saja tidak menyelesaikan masalah, tapi mendatangkan kesan-kesan negatif yang berbagai-bagai dalam masyarakat.

Arak memabukkan lalu si mabuk akan bercakap merapu dan menyakitkan hati orang lain hingga menghilangkan kasih sayang. Mungkin juga akan berlaku accident bila orang mabuk bawa kereta dan sebagainya. Berzina boleh melahirkan anak haram yang hidupnya terbiar dan menjadi masalah masyarakat. Pelacur-pelacur bila tua, hidupnya sungguh terhina dan menderita oleh kutukan, siplis dan

AIDS. Sosial liar dan lucah yang dijadikan cara berhibur oleh masyarakat kini, sebenarnya banyak menimbulkan pergaduhan bahkan pembunuhan.

Dalam dunia hiburan yang dipuja-puja hari ini, sebenamya para penghibur itu sendiri tidak terhibur. Macam-macam masalah hidup yang mereka hadapi dan tidak boleh diselesaikan. Hidup mereka kusut hingga banyak kes-kes pergaduhan, perceraian dan bunuh diri. Mereka tidak selamat dan tidak menyelamatkan. Banyaknya kedai arak, disko, rumah pelacuran, kelab malam, rumah judi dan sebagainya, bukan menyelamatkan tapi membawa berbagai-bagai penyakit sosial dalam masyarakat. Bukti yang jelas ada di Amerika dan Eropah sana, yang merupakan pusat bagi segala maksiat. Masyarakat manusia yang tidak dididik dengan akhlak baik, tapi didedahkan pada segala keinginan nafsu, telah hilang kemanusiaannya sama sekali. Kelihatan watak masyarakatnya mirip kepada masyarakat haiwan atau binatang di hutan. Bunuh-membunuh adalah lumrah, dibuat atas nama kebebasan dan kemajuan teknologi.canggih.

Tiada hiburan di dalam hidup manusia maju dan moden ini. Kerana yang maju dan moden itu bukan manusia dart kemanusiaannya, tapi cuma benda-benda yang tidak bernyawa. Sedangkan hiburan sebenar ialah ketenangan dan kasih sayang di dalam hati, yang berpunca dari perhubungan berlandaskan akhlak baik. Akhlak baik membuatkan manusia saling hibur-menghiburkan. Walaupun tanpa teknologi canggih, mereka akan tenang oleh rasa kasih sayang. Tapi mana ada kasih sayang di tengah masyarakat kini? Mungkin slogannya ada tapi tidak dalam realitinya. Masyarakat yang hidup nafsi-nafsi dan bersifat materialistik ini tak mungkin dapat berkasih sayang dan berakhlak baik. Tidak ada istilah kasih sayang dan akhlak baik dalam diari hidup mereka, malah istilah-istilah itu dianggap ‘asing’.

Amerika dan Eropah perlu tahu bahawa keistimewaan

mereka hanya pada teknologi canggih tapi tidak pada pembangunan manusianya. Mana lebih mama, manusia atau teknologi? Manusia kalau baik, baiklah dunia ini. Jadi ertinya, urusan membaiki manusia itu lebih utama.

Kebaikan manusia ialah pada akhlaknya. Mana lebih baik, pemimpin yang sombong atau pemimpin yang pengasih kepada rakyat? Mana lebih baik, orang kaya yang pemurah dengan yang bakhil? Mana lebih baik, muda-mudi yang bermoral tinggi dan bertanggungjawab dengan yang bergaul lucah dan abaikan tanggungjawab?

Ya, jawabnya tentulah orang berakhlak itu lebih baik. Lalu cuba gambarkan wajah dunia ini kalau dicatur oleh para pemimpin yang berakhlak baik, orang kaya yang baik-baik, ulama-ulama yang berakhlak baik dan seterusnya muda-mudi, guru-guru, ibu bapa, dan semuanya yang berakhlak baik. Alangkah tenang dan indahnya masyarakat Malaysia dan dunia ini. Kasih sayang terasa di mana-mana. Penzaliman, penipuan, salah guna kuasa, hasad dengki, dendam dan lain-lain kejahatan manusia akan pupus dari kalangan manusia. Dunia aman, damai dan selamat. Apakah ada cara atau format lain untuk menyelamatkan masyarakat manusia ini?

Jika tidak, dan rasanya memang tiada, mari kita berjuang untuk membina diri dan masyarakat yang berakhlak. Yang akan saling berkasih sayang dan sekaligus membentuk perpaduan sejagat.

Bilamana semua golongan manusia atau majoriti dari manusia ini adalah manusia yang berakhlak, manusia akan saling tertarik dan kasih pada .sesamanya. Mereka akan berbaik-baik dan tidak bersengketa lagi. Dunia akan aman dan selamat.

Bilamana orang Islam berakhlak baik terhadap orang bukan Islam, dan sebaliknya orang bukan Islam berakhlak baik dengan orang Islam, tentu wujud kasih sayang antara

bangsa dan agama.

Demikian bila pemimpin dan rakyat sesebuah negara berakhlak terhadap pemimpin dan rakyat di negara lain, dan sebaliknya, pasti terjalin hubungan baik antara kedua negara.

Dan kalau hal ini terjadi di seluruh dunia, tentu sekali dunia akan aman.

Inilah teori mudah bagaimana proses mengamankan dunia. Pendidikan akhlak pada manusia sebagai faktor pengikat atau penjalin hubungan kasih sayang antara manusia sejagat, perlu diperkenalkan pada dunia. Akhlak baik ini disukai oleh manusia sedunia. Tapi mengapa perkara kesukaan bersama ini tidak diusahadapatkan?

Manusia hanya akan jadi manusia, berbeza dari binatang, bila ia memiliki akhlak baik ini. Iaitu sifat yang terbentuk oleh hati yang baik. Hati yang baik terbentuk oleh makanan yang baik-baik. Nabi Muhammad SAW ada bersabda:

أَلاَ وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلُحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ
كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلاَ وَهِيَ الْقَلْبُ.

*Ketahuilah di dalam diri (anak Adam) ada seketul daging. Bila baik daging itu, baiklah manusia. Bila jahat daging itu, jahatlah manusia. Itulah hati.*

BAB 9

# Nabi Muhammad Model Kecintaan

**UNTUK KEAMANAN**, kebahagiaan dan kedamaian hidup di dunia dan Akhirat, manusia perlu model atau contoh untuk diikuti. Juster-u manusia, walaupun telah ALLAH bekalkan fitrah ingin mencintai dan dicintai, tidak akan dapat melakukannya dengan sempuma jika tidak ada contoh. Begitulah rahmat dan kasih sayang ALLAH. Sentiasa menunjukkan jalan-jalan keselamatan buat hamba-hamba-Nya. Tinggal- lagi apakah manusia itu mahu atau tidak mahu mencontohinya, itu sahaja.

Maka atas dasar itu dengan rahmat ALLAH, Dia telah mengutuskan seorang manusia bemama **Muhammad bin Abdullah** sebagai Rasul-Nya di atas muka bumi ini 1400 tahun yang lampau. ALLAH telah lengkapkan Rasul itu dengan sifat yang sempuma lahir dan batin. ALLAH telah memelihara peribadinya daripada sebarang kesalahan dan cacat-cela, agar dia menjadi contoh yang agung kepada manusia lain.

Dengan segala pemeliharaan itu maka jadilah Rasulullah SAW manusia yang paling tinggi akhlaknya. Sama ada akhlak dengan ALLAH mahupun akhlak sesama manusia.

Oleh itu tidak hairanlah jika ALLAH sendiri memuji Rasulullah SAW dalam Al Quran dengan firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

***Sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang sangat agung.***

**(Al Qalam: 4)**

Al hasil, terbentuklah Rasulullah SAW itu sebagai insan kamil yang menjadi lambang segala kebaikan. Nabi Muhammadlah manusia yang paling sempuma. Seluruh himpunan sifat baik telah dipakaikan oleh ALLAH pada diri Rasulullah SAW. Namun kerana fokus buku ini menjurus kepada sifat kasih sayang dan cinta, maka saya. akan khususkan hanya untuk menggambarkan betapa kasih dan sayangnya Rasulullah SAW kepada seluruh makhluk. Bukan sahaja kepada manusia bahkan juga kepada binatang. Bukan sahaja kepada orang Islam tetapi juga kepada yang bukan Islam.

Maka atas dasar itulah ALLAH SWT telah menegaskan dalam Al Quran bahawa kedatangan Rasulullah SAW itu adalah sebagai pembawa rahmat. Firman ALLAH:

وَمَآ أَرْسَلْنَٰكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَٰلَمِينَ

***Dan tidak Kami utuskan engkau (Muhammad) melainkan untuk rahmat kepada sekalian alum.***

**(Al Anbia: 107)**

Rasulullah SAW juga pemah bersabda:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأُتَمِّمَ مَكَارِمَ الأَخْلَاقِ

***Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak manusia.***

**(Riwayat Malik)**

Di sini saya hanya ingin menggambarkan tentang kasih sayang, iaitu satu aspek daripada akhlak Rasulullah SAW yang sangat perlu untuk manusia. Setidak-tidaknya untuk keselamatan mereka di dunia walaupun tidak di Akhirat. Saya tidak akan bincangkan ciri-ciri akhlak Rasulullah SAW yang lain supaya perbincangan kita tidak terkeluar daripada tajuk buku ini.

Kasih sayang Rasulullah SAW terhadap manusia tidak ada tandingannya. Mari kita lihat bukti bagaimana dan betapa kasih sayang Rasulullah SAW melalui dua sudut.

**Pertama,** di sudut ilmu (ilmiah). Jika kita membaca Al Quran dan meneliti Hadis Rasulullah SAW, maka kita akan dapati betapa Rasulullah SAW itu sangat pengasih sekalipun kepada anak kecil ataupun binatang.

Di antara ayat Quran yang menunjukkan betapa tingginya rasa kasih Rasulullah SAW itu ialah sewaktu ALLAH SWT berfirman:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ
مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ

***Telah datang kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu sendiri. Berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (kzimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang Mukmin.***

**(At Taubah: 128)**

Dalam ayat yang lain ALLAH SWT telah berfirrnan:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ ٱللَّهِ لِنتَ لَهُمْ

*Maka dengan rahmat ALlAH-lah kamu dapat berlaku lemah-lembut dan kasih sayang pada mereka.*

**(Ali Imran: 159)'**

Allah berfirman lagi:

وَلَوْ كُنتَ فَظًّا غَلِيظَ ٱلْقَلْبِ لَٱنفَضُّوا۟ مِنْ حَوْلِكَ

*Dan jikalau kamu berkasar dan berkeras hati nescaya mereka akan menjauhkan diri darimu.*

**(Ali Imran: 159)**

Di antara Hadis yang menunjukkan betapa besarnya kasih sayang Rasulullah SAW ialah:

مَنْ لاَ يرحمِ النَّاسَ لاَ يَرْحَمْهُ اللهُ

***Barang siapa yang tidak mengasihi manusia, dia tidak dikasihi ALLAH.***

**(Riwayat At Termizi)**

اِرْحَمُوا مَنْ فِى الأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِى السَّمَاءِ

***Kasihilah siapa sahaja yang ada di bumi nescaya akan mengasihi kamu siapa-siapa sahaja (malaikat) yang di langit.*** -

**(Riwayat Abu Daud)**

خَيْرُ النَّاسِ مَنْ يَنْفَعُ النَاسَ

***sebaik-baik manusia ialah orang yang memberi***

***manfaat pada manusia (termasuk meratakan kasih sayang).***

خَيْرُ النَّاسِ أَحْسَنُكُمْ خُلُقًا

***Sebaik-baik manusia ialah mereka yang paling baik akhlaknya (kasih sayang kepada orang lain).***

(Riwayat At Tabrani)

بِرُّوا آبَاءَكُمْ ، تَبَرَّكُمْ أَبْنَاؤُكُمْ

***Berbaktilah kepada kedua ibu bapa kamu, maka akan berbakti anak-anak kamu kepada kamu (termasuk memberi kasih sayang).***

(Riwayat Al Hakim)

إِنَّ أَقْرَبَكُمْ مِنِّى مَجْلِسًا أَحَاسِنُكُمْ أَخْلاَقًا
اَلْمُوَطَّئُوْنَ أَكْنَافًا اَلَّذِيْنَ يَأْلَفُوْنَ وَيُؤْلَفُوْنَ

***Sesungguhnya orang yang paling hampir dengan tempatku di kalangan kamu ialah yang paling cantik akhlaknya, mereka menghormati orang lain dan mereka senang bermesra dan dimesrai.***

اَلْمُؤْمِنُ آلِفٌ مَأْلُوْفٌ وَلاَ خَيْرَ فِيْمَنْ لاَ يَأْلَفُ
وَلاَ يُؤْلَفُ وَخَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

***Orang Mukmin itu ialah yang mudah mesra dan dimesrai, dan tiada kebaikan pada mereka yang tidak boleh bermesra dan dimesrai. Dan sebaik-baik manusia ialah yang banyak memberi manfaat kepada manusia.***

(Riwayat Al Hakim dan Al Baihaqi)

مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيْرَنَا ، وَيَعْرِفُ حَقَّ كَبِيْرِنَا فَلَيْسَ مِنَّا

*Sesiapa yang tidak mengasihi orang kecil kami, sedangkan dia tahu kewajipan sebagai orang besar kami maka bukanlah dia dari golongan kami.*

(Riwayat Al Bukhari)

مَنْ أَحْسَنَ إِلَى يَتِيْمٍ أَوْ يَتِيْمَةٍ، كُنْتُ أَنَا وَهُوَ فِي
الْجَنَّةِ كَهَاتَيْنِ

*Siapa yang berbuat baik (beri kasih sayang) kepada anak yatim lelaki atau perempuan, adalah aku dan dia di dalam Syurga seperti dua ini (ditunjukkan dua jarinya yang dirapatkan).*

(Riwayat Al Hakim)

إِنَّ أَحَبَّكُمْ إِلَى اللهِ الَّذِيْنَ يَأْلَفُوْنَ وَيُؤْلَفُوْنَ وَإِنَّ
أَبْغَضَكُمْ إِلَى اللهِ الْمَشَّاؤُنَ بِالنَّمِيْمَةِ الْمُفَرِّقُوْنَ بَيْنَ الإِخْوَانِ

*Sesungguhnya di kalangan kamu yang lebih dikasihi ALLAH ialah mereka yang senang bermesra dan dimesrai. Sebaliknya yang paling dibenci ALLAH ialah mereka yang suka menabur fitnah dan memecah-belahkan persaudaraan.*

**Kedua,** di sudut praktikal iaitu kasih sayang Rasulullah SAW dalam realiti hidupnya. Banyak kisah hidup Rasulullah SAW yang menunjukkan betapa tingginya sifat kasih sayang baginda. Antaranya:

1. Pemah seorang Arab Badwi menarik dengan begitu kasar jubah buatan Najran yang kasar kainnya, yang dipakai oleh Rasulullah SAW hingga berbekas leher baginda. Tetapi

Rasulullah SAW tidak marah, malah menghadiahkan jubah itu kepada Arab Badwi tersebut.

2. Seorang wanita tua selalu menyakiti Rasulullah SAW dengan meletakkan duri, najis dan lain-lain halangan di jalan yang selalu dilalui oleh Rasulullah SAW. Namun Rasulullah SAW tidak bertindak balas. Pada satu ketika apabila wanita itu sakit, Rasulullah SAW menziarahi dan menunjukkan kasih sayang terhadapnya. Wanita tua itu terharu dengan kebaikan Rasulullah, lantas memeluk Islam di tangan baginda.

3. Rasulullah SAW pernah dilihat oleh para Sahabatnya mencium anak kecil, lantas seorang Sahabat menegurnya, "Engkau mencium anak kecil, ya Rasulullah?" Kerana pada sangkaannya Rasulullah tidak pernah mencium anak kecil.

Baginda mengiyakan lantas bersabda, ***"Barang siapa tidak mengasihi, dia tidak akan dikasihi."***

4. Rasulullah SAW sangat mengasihi Sahabat-sahabatnya. Jika seorang Sahabat sudah dua tiga hari tidak kelihatan, baginda akan bertanya, "Ke mana perginya si polan-si polan itu..."

5. Jika ada orang yang meminta tolong pada Rasulullah SAW, tidak pernah baginda tidak menunaikannya. Baginda sangat prihatin dan amat mengambil berat kesusahan orang lain. Rasulullah SAW bersabda: ***"Barang siapa yang menunaikan satu hajat saudaranya, akan ALLAH tunai 70 hajatnya."***

6. Pemah satu ketika seorang Arab Badwi kencing di satu sudut dalam Masjid Nabi. Ada di antara para Sahabat marah kerana sikap tidak beradab itu. Tetapi Rasulullah

SAW tetap tenang dan berkata, ***"Biarkan dia menyelesuikun hajatnya.. . "*** Setelah lelaki tersebut selesai, Rasulullah SAW sendiri membasuh najis itu dan kemudiannya barulah memberitahu Arab Badwi tersebut adab-adab di dalam masjid.

7. Ketika Rasulullah SAW berdakwah dengan anak angkatnya **Zaid bin Harisah** di Thaif, baginda telah dibaling dengan batu oleh kanak-kanak dan pemuda-pemuda nakal yang disuruh berbuat begitu oleh penduduk kota tersebut. Akibatnya, lutut Rasululah SAW telah berdarah.

Melihat penganiayaan itu, malaikat sangat marah sehingga menawarkan untuk menghempap penduduk Thaif dengan bukit-bukit sekitar bandar itu. Tetapi Rasulullah SAW menolaknya dan berkata, ***"Jangan, mereka tiduk tahu saya ini rasul-Nya. "***

Malaikat menjawab: "Tuan benar."

Selepas itu baginda terus berdoa untuk penduduk Thaif: ***"Ya ALLAH berilah petunjuk bagi kaumku mereka tidak mengetahui. "***

8. Pernah seorang Sahabat duduk secara menghimpit paha atas paha dengan Rasulullah SAW. Baginda mem-' biarkannya sahaja untuk menjaga hati Sahabat tersebut supaya tidak menganggap yang Rasulullah SAW tidak sudi duduk bersamanya.

9. Sewaktu hijrah ke Madinah, Rasulullah SAW telah' dikejar dengan kuda oleh seorang bernama Suraqah yang bercita-cita merebut hadiah yang ditawarkan oleh kafir Quraisy Makkah jika berjaya membunuh Rasulullah SAW.

Setiap kali kuda Suraqah mendekati Rasulullah SAW, aetiap kali itulah kudanya tersungkur jatuh. Rasulullah SAW, tidak bertindak apa-apa. Rasulullah memaafkannya. Akhir-;

nya Suraqah menyerah dan berjanji tidak akan cuba membunuh Rasulullah SAW lagi.

10. Satu ketika seorang musuh bemama Da'thur mendapati Rasulullah SAW sedang berehat di satu batu. Dia terus melompat dan meletakkan pedangnya di leher Rasulullah SAW dan berkata, "Siapa yang akan menyelamatkan nyawa kamu dari tanganku?"

Rasulullah SAW spontan menjawab, *"ALLAH!"*

Mendengar jawapan Rasulullah itu, Da'thur menggeletar hingga pedangnya jatuh daripada tangan. Rasulullah SAW mengambil pedang itu dan bertanya, "Kali ini siapa yang *ukun menyelumutkun kumu duri tungunku?"*

Da'thur tergamam dan menjawab, "Tiada siapa."

Akhimya Rasulullah SAW memaafkan Da'thur. Melihat kasih sayang yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW itu, Da'thur pun mengucap dua kalimah syahadah (masuk Islam).

11. Rasulullah SAW sangat penyayang dengan anak-anaknya dan bertimbangrasa dengan isteri-isterinya. Pada kesilapan isteri-isterinya, baginda selalu memberi maaf. Baginda juga membantu kerja-kerja rumah dan menampung jubah dan kasutnya sendiri.

12. Rasulullah SAW selalu berjalan dengan fakir miskin dan sering menziarahi janda-janda, bertanya akan keperluan hidup mereka. Bahkan dengan orang-orang miskin dan melarat, baginda selalu duduk bersama mereka, berbual, makan minum dan bermesra dengan mereka.

13. Pernah di satu pagi Hari Raya, Rasulullah SAW bertemu seorang kanak-kanak yang menangis di tepi jalan. Baginda terharu dan bertanya, *"mengapa engkau menu-*

***ngis?"*** Kanak-kanak tersebut menjawab, "Ayah saya telah mati syahid sementara ibu saya sudah berkahwin lain. Nasib saya terbiar dan saya tidak ada baju baru dan lain-lain persediaan untuk berhari raya."

Rasulullah SAW mengalirkan air mata mengenangkan nasib kanak-kanak tersebut. Baginda berkata:

***"Sukakah kamu kalau aku menjadi ayahmu dan Aisyah (isteri Rasulullah) menjadi ibumu?"***

Sungguh tidak terkira gembiranya rasa hati kanak-kanak itu, bila mendengar Rasulullah SAW yang mulia menjadi ayahnya.

Baginda pun membawa pulang kanak-kanak tersebut ke rumahnya. Kanak-kanak itu dimandikan, dipakaikan dengan baju raya dan dijamu makan. Betapa gembiranya hati kanak-kanak itu, begitulah gembiranya hati Rasulullah SAW kerana dapat menggembirakannya.

14. Pada ketika yang lain, dalam perjalanan menuju ke pasar, Rasulullah SAW melihat seorang budak (hamba sahaya) sedang menangis di tepi jalan. Bila baginda tanyakan mengapa menangis, budak itu menjawab bahawa dia menangis kerana duit yang diberi oleh tuannya telah hilang. Rasulullah SAW terus mengganti duit yang hilang itu dengan duit baginda sendiri.

Tetapi apabila baginda balik dari pasar, dilihatnya budak yang sama masih menangis.

***"Kenapa kamu masih menangis?*** " tanya Rasulullah SAW.

"Kali ini saya menangis kerana takut dimarahi dan dipukul oleh tuan saya kerana saya sudah terlambat pulang dari pasar," jawab budak itu.

Untuk mengelakkan budak itu daripada dimarahi, Rasulullah SAW sendiri menemaninya pulang. Rupanya rumah

itu dihuni oleh sekumpulan wanita. Rasulullah SAW terus memberi salam. Setelah tiga kali memberi salam, barulah salam Rasulullah SAW itu dijawab. Rasulullah SAW bertanya, ***"Apakah kamu tidak dengar salam saya sebelumnya ? "***

Wanita-wanita itu menjawab, "Kami dengar, tetapi sengaja kami tidak jawab supaya kami mendapat doa daripada Rasulullah SAW banyak kali..."

Rasulullah SAW terus menerangkan mengapa budak itu lambat. Baginda meminta supaya budak itu tidak dirotan, tetapi sekiranya mereka tidak puas hati, Rasulullah menawarkan dirinya sebagai ganti untuk dirotan. Lantas Rasulullah SAW menyingsing lengan bajunya.

Mendengar kata Rasulullah SAW itu, kumpulan wanita itu lantas berkata, "Tidak, ya Rasulullah. Mulai sekarang, kami merdekakanlah budak ini."

Itulah kesan kasih sayang yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW.

16. Rasulullah SAW berjiran dengan seorang Yahudi. Baginda sangat menjaga hak-hak jiran. Baginda tidak pernah melakukan sesuatu yang menyakiti hati jirannya malah baginda selalu menghadiahkan makanan dan lain-lain hadiah kepada jiran Yahudinya itu.

17. Rasulullah SAW juga sangat mengambil berat tentang hak-hak kafir zimmi. Baginda bersabda:

***"Siapa yang menzalimi kafir zimmi walaupun orang Islam sayalah pembelanya (penebusnya). "***

18. Rasulullah SAW juga sangat mengasihi binatang. Baginda melarang kanak-kanak menyeksa binatang. Untuk menyembelih binatang, Rasulullah SAW berpesan supaya menggunakan pisau yang tajam, agar binatang tersebut

cepat mati dan tidak lama dalam kesakitan.

Rasulullah SAW sering mengingatkan supaya unta-unta dan himar tidak dibebani oleh muatan yang berlebihan daripada apa yang sanggup ditanggung.

Pemah seekor kucing tidur atas serban Rasulullah SAW. Maka baginda menggunting bahagian tempat kucing itu tidur di atasnya kerana tidak mahu mengejutkan kucing tersebut.

Ketika dalam perjalanan dari Madinah ke Makkah di tahun kemenangan, Rasulullah melihat seekor anjing di tepi jalan. Anjing itu mengeluarkan suara seakan-akan membujuk anaknya yang sedang mengerumuninya untuk menyusu. Maka Rasulullah meminta seorang Sahabat untuk menjaga jangan sampai ada dari kalangan anggota rombongan baginda yang mengganggu anjing itu dan anak-anaknya.

Ketika Rasulullah melihat seekor himar yang telah diberi tanda dengan besi panas di mukanya, baginda menentangnya dan melarang haiwan diberi tanda dan dipukul di mukanya.

19. Ketika Rasulullah meninggalkan kabilah Saqif, ada seorang lelaki yang memohon kepada beliau, "Wahai Rasulullah, berdoalah untuk kebinasaan mereka."

Rasulullah berkata, "Ya ***ALLAH, berilah petunjuk kepada kabilah Saqif dan bawalah mereka (ke jalan yang benar).*** "

20. Satu ketika Abu Zar keluar bersama hamba sahayanya yang berpakaian seperti apa yang beliau pakai, lalu ada orang bertanya, "Mengapa kamu berbuat demikian?"

Abu Zar menjawab, beliau mendengar Rasulullah berkata: ***"Hamba sahaya itu adalah saudaramu, mereka di-***

***jadikan oleh ALLAH di bawah kekuasaanmu. Maka ba-b rangsiapa saudaranya di bawah kekuasaannya (di bawah jagaannya), hendaklah dia memberi makan dengan apa, yang dia makan dan memberi pakaian dengan pakaian yang ia pakai, dan janganlah hamba itu disuruh melakukan pekerjaan di luar*** batas ***kemampuannya. Apabila mereka, diperintahkan bekerja maka bantulah mereka. "***

INILAH sebahagian daripada cerita-cerita sebagai bukti betapa pengasih dan pemaafnya Rasulullah SAW, model agung kecintaan yang paling unggul dan patut dicontohi oleh manusia sepanjang zaman. Cerita-cerita itu menun-: jukkan betapa kasih dan sayangnya Rasulullah SAW sama ada kepada manusia atau bintang, yang sepatutnya dicontohi oleh umat Islam lebih-lebih lagi oleh para ulamanya. Dan sepatutnya kasih sayang inilah yang diratakan di seluruh dunia kini.

Malangnya ha1 ini tidak berlaku. Sudah tidak ada lagi kasih sayang, kedamaian dan suasana harmoni seumpama itu di dunia hari ini. Itulah yang sedang diperjuangkan oleh jemaah Darul Arqam. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW itulah model yang hendak diwujudkan oleh Darul Arqam.

Darul Arqam ingin dan sedang berusaha menghidupkan kembali kasih sayang yang menjadi fltrah semulajadi manusia hatta oleh haiwan sekalipun. Inilah dasar yang diperjuangkan oleh Darul Arqam di mana sahaja, sekalipun kepada orang-orang bukan Islam di negara-negara bukan Islam. Alhamdulillah, nampaknya perjuangan ini telah diterima dengan baik oleh banyak pihak kecuali oleh orang-orang yang berkepentingan.

Sekali lagi saya tegaskan, perjuangan Darul Arqam diasaskan atas dasar kasih sayang. Sebab itu Darul Arqam

tidak membalas dan bertindak kasar sekalipun kepada mereka yang bertindak kasar terhadapnya. Inilah pakaian peribadi setiap pengikut Darul Arqam. Oleh itu jika ada mereka yang kasar dan tidak melambangkan ciri-ciri kasih sayang pada lisan dan tindakan, mereka bukanlah pengikut Darul Arqam. Kerana tidak berkasih sayang bererti melanggar disiplin jemaah.

# BAB10-

# ***Allah Adalah*** *Cinta* ***Agung***

TELAH KITA bincangkan sebelum ini bahawa ingin dikasihi dan mengasihi adalah fitrah semulajadi manusia. Manusia ingin dikasihi oleh manusia lain. Dan bila dia menyedari ada orang lain mengasihinya, secara automatik pula dia pun mengasihi orang itu.

Tetapi perlu diingat, menyintai atau ingin dicintai oleh manusia bukanlah puncak cinta atau cinta agung kerana cinta sesama manusia tidak kekal. Paling lama sekadar tempoh masa kita masih hidup. Bahkan sering berlaku dalam pertengahan umur kita lagi, iaitu sebelum kita mati, cinta itu telah pudar atau terungkai sama sekali. Kasih sayang yang diagung-agungkan itu hancur berkecai.

Di sini barulah kita sedar bahawa cinta kepada makhluk atau cinta daripada makhluk bukanlah cinta yang hakiki atau sejati. Itu hanya cinta sementara waktu. Kita sahaja yang menyangka cinta itu sejati dan sampai ke hujung. Rupa-rupanya dalam perjalanan atau di pertengahan umur, cinta kita kepada orang lain atau cinta orang lain kepada kita, dengan sendirinya dia ataupun kita sendiri yang mengungkainya semula atas sebab-sebab yang telah kita bahaskan sebelum ini. Oleh kerana itulah, mencintai makhluk selalu mengecewakan kita sekalipun bukan satu kesalahan mencintai makhluk.

Oleh itu jangan kita meminta, menagih atau mengharapkan sangat untuk mencintai manusia atau dicintai oleh manusia walaupun tidak salah. Cinta itu tidak abadi. Tetapi berilah dan terimalah cinta yang kekal abadi. Itulah cinta agung namanya. Iaitu cintakan ALLAH yang Maha Agung. Inilah cinta yang hakiki, yang sejati, yang kekal abadi dan membawa kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di Akhirat. Cinta ini tiada tandingan dan bandingannya. Cinta ini jika berjaya diperolehi adalah cinta yang paling memuaskan dan menenangkan. Buahnya paling menghiburkan dan paling membahagiakan.

Tetapi malangnya cinta yang hakiki dan agung ini jarang orang ambil perhatian. Jarang orang memburunya seperti memburu cinta-cinta murahan yang lain. Mungkin daripada 10 juta manusia, hanya seorang sahaja memburunya.

Kalau seseorang itu telah mencintai ALLAH, walaupun seluruh makhluk memusuhinya atau membencinya, namun dia tetap mendapat kebahagiaan dan ketenangan. Sebaliknya kasih sayang kepada mahkluk tidak akan membawa manusia kepada kebahagiaan sejati dan kekal abadi kalau cinta hakiki lagi agung daripada ALLAH itu tidak dimiliki. Sebab itulah orang yang beriman dengan ALLAH dan mentaati-Nya sentiasa tenang walaupun di dalam kesusahan dan ujian.

Oleh yang demikian, kalau kita tidak dapat memiliki cinta daripada manusia, usahlah bersedih hati kerana cinta itu tidak abadi. Pun tidak hakiki dan sejati. Kalau begitu, cari dan burulah cinta yang agung, iaitu ALLAH yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

Kasih sayang ALLAH pada makhluk-Nya boleh dilihat dari dua sudut. Pertama, di sudut ilmu. Kedua, di sudut realiti yang berlaku dalam kehidupan seharian.

Di sudut ilmu, banyak ayat Quran yang memperlihatkan kasih sayang ALLAH pada hamba-Nya. Antaranya:

1.

ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ فِرَٰشًا وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً وَأَنزَلَ مِنَ
ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجَ بِهِۦ مِنَ ٱلثَّمَرَٰتِ رِزْقًا لَّكُمْ فَلَا تَجْعَلُوا۟
لِلَّهِ أَندَادًا وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ

***Dia yang menjadikan untuk kamu bumi sebagai hamparan dan langit bagaikan binaan, aizn diturunkan daripada langit itu air (hujan) maka aizrinya dikeluarkan buah-buahan sebagai rezeki untuk kamu. Maka dengan sebab itu janganlah kamu mencipta sekutu bagi ALLAH sedangkan kamu mengetahuinya.***

(Al Baqarah: 22)

2.

إِنَّ فِى خَلْقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفِ ٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ
وَٱلْفُلْكِ ٱلَّتِى تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِمَا يَنفَعُ ٱلنَّاسَ وَمَآ أَنزَلَ ٱللَّهُ
مِنَ ٱلسَّمَآءِ مِن مَّآءٍ فَأَحْيَا بِهِ ٱلْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا
مِن كُلِّ دَآبَّةٍ وَتَصْرِيفِ ٱلرِّيَٰحِ وَٱلسَّحَابِ ٱلْمُسَخَّرِ
بَيْنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

***Sesungguhnya pada ciptaan langit dan bumi, dan silih berganti malam dan siang, dan bintang yang bergerak amat berguna pada nelayan ALLAH menurunkan dari langit hujan maka ia menghidupkan bumi yang mati dan dibiakkan di atasnya segala macam haiwan, dan dipindahkan angin dan awan di***

*antara langit dart, bumi, itu semua sebagai tanda kekuasaan* **ALLAH** *bagi kaum yang* **berakal.**

(**Al** Baqarah: 144)

3\.

فَأَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَيُوَفِّيهِمْ أُجُورَهُمْ
وَيَزِيدُهُم مِّن فَضْلِهِۦ

*Adapun orang yang beriman dan beramal soleh akan dibayarkan pahala kepada mereka dan ditambahkan lagi beberapa keiebihan-Nya.*

(An **Nisa': 173)**

4\.

يَٰقَوْمِ إِنَّمَا هَٰذِهِ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا مَتَٰعٌ وَإِنَّ ٱلْءَاخِرَةَ هِىَ
دَارُ ٱلْقَرَارِ ﴿٣٩﴾ مَنْ عَمِلَ سَيِّئَةً فَلَا يُجْزَىٰٓ إِلَّا مِثْلَهَا
وَمَنْ عَمِلَ صَٰلِحًا مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ يُرْزَقُونَ فِيهَا بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٤٠﴾

*Wahai kaumku, sesungguhnya kehidupan dunia ini hanya kesenangan sementara dan kehidupan Akhirat adalah yang kekal Sesiapa yang melakukan kejahatan maka tidaklah dibalasi melainkan sepertimana yang dilakukannya, dan sesiapa yang melakukan amalan soleh sama ada lelaki mahupun perempuan sedangkan 'dia seorang Mukmin maka mereka akan m.asuk Syurga, diberi rezeki di dalamnya tanpa hisab.*

(Ai Mulcmin: 39-40)

.5.

وَٱللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ

أَزْوَٰجِكُم بَنِينَ وَحَفَدَةً وَرَزَقَكُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ ۚ
أَفَبِٱلْبَٰطِلِ يُؤْمِنُونَ وَبِنِعْمَتِ ٱللَّهِ هُمْ يَكْفُرُونَ

***Dari diri kamu ALLAH ciptakan untuk kamu pasangan (isteri) dan dari isteri itu diciptakan untuk kamu anak-anak dan cucu-cucu dan Dia merezekikan kamu dari bahan yang baik. Apakah masih yang bathil kamu beriman dan nikmat ALLAH kamu kufuri?***

(An Nahl: 72)

***6.***

ٱلَّذِى خَلَقَنِى فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾ وَٱلَّذِى هُوَ يُطْعِمُنِى وَيَسْقِينِ
﴿٧٩﴾ وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

***Dia yang menciptaku maka Dia jugalah yang memberi hidayah kepadaku. Dia yang memberi makan dan minumku. Dan apabila aku sakit Dialah yang menyembuhkanku.***

(As Syuara': 78-80)

7.

فَمَن تَابَ مِنۢ بَعْدِ ظُلْمِهِۦ وَأَصْلَحَ فَإِنَّ ٱللَّهَ يَتُوبُ
عَلَيْهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

***Maka barang siapa yang bertaubat selepas berbuat zalim dan berusaha membaiki diri maka sesungguhnya ALLAH menerima taubatnya, sesungguhnya ALLAH Maha Pengampun dan Maha Penyayang.***

(Al Maidah: 39)

8.

قُلْ يَٰعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟ مِن رَّحْمَةِ
ٱللَّهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ جَمِيعًا ۚ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ

***Katakanlah: Wahai hamba-Ku yang melampaui batas ke atas diri sendiri, janganlah kamu berputus asa dari kasih sayang ALLAH, sesungguhnya ALLAH boleh mengampuni dosa-dosa semua, sesungguhnya Dia Tuhan yang Maha Pengampun dan Maha Pen-yayang***

(Az Zumar: 53)

9. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللهَ تَعَالَىٰ لَا يَظْلِمُ الْمُؤْمِنَ حَسَنَةً يُعْطَى عَلَيْهَا فِى
الدُّنْيَا ، وَيُثَابُ عَلَيْهَا فِى الآخِرَةِ ، وَأَمَّا الكَافِرُ فَيُعْطَى
بِحَسَنَاتِهِ فِى الدُّنْيَا ، حَتَّى اذَا أَفْضَى إِلَى الآخِرَةِ لَمْ
تَكُنْ لَهُ حَسَنَةٌ يُعْطِي عَلَيْهَا خَيْرًا

***Sesungguhnya ALLAH Taala tidak mengurangkan kebajikan orang Mukmin yang diberikan di dunia dan yang diberi pahala di Akhirat. Adapun orang kafir diberikan kebaikannya di dunia sehingga apabila dibawa ke Akhirat didapati tiada kebaikan langsung, akan diberi juga kebaikan (atas dasar kasih sayang ALLAH).***

(Riwayat Ahmad)

10. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الرِّفْقَ فِى الأَمْرِ كُلِّهِ

***Sesungguhnya ALLAH sukakan sifat kasihan belas &lam semua urusan.***

**(Riwayat Al Bukhari)**

Dalam realiti kehidupan, kita mesti mencintai ALLAH yang Maha Agung supaya dengan itu kita mendapat ketenangan yang agung di dunia dan di Akhirat kerana:

1. ALLAH itulah Tuhan yang mencipta dan menghidupkan kita serta menjadikan seluruh isi dunia ini untuk kita. Cuma jangan disalahgunakan.

2. Dialah jua Tuhan yang menjadikan Akhirat sebagai tempat tinggal kita yang abadi selepas mati. Dan jika kita beriman dengan-Nya, menyembah dan mentaati-Nya serta berbuat baik seperti yang Dia kehendaki, bukan seperti yang kita kehendaki, maka kita akan ditempatkan di dalam Syurga yang nikmatnya tidak dapat kita bayangkan di dunia ini.

Tetapi kalau berlaku sebaliknya, maka azab Neraka-Nya pula yang akan ditimpakan kepada kita yang tidak dapat digambarkan penderitaannya. Mudah-mudahan ALLAH melindungi kita daripada azab Neraka-Nya yang sangat pedih, ngeri dan dahsyat itu.

3. ALLAH-lah jua Tuhan yang mencipta suami untuk kita boleh berhibur, mencipta isteri untuk kita bersenang-senang dan anak-anak sebagai cahaya mata penyejuk hati. Kalau begitu mengapa kita tidak mencintai ALLAH, Tuhan yang mengumiakan kita suami, isteri dan anak-anak itu?

4. Sewaktu kita diuji oleh kesakitan maka ALLAH-lah yang menyembuhkan. Diberi kelegaan kepada kesakitan yang kita alami. Dikurniakan ketenangan ketika kita mendapat kesusahan. Kesembuhan selepas kesakitan, yang Tuhanlah yang menyembuhkan, bukankah satu nikmat

5. ALLAH-lah yang member-i rezeki yang tidak terhingga banyaknya hingga dengan itu kita dapat makan, minum, berpakaian dan lain-lain lagi. Dengan itu selamatlah kita dari lapar, haus, telanjang dan sebagainya.

6. ‘ALLAH jualah yang menunaikan hajat yang kita pinta daripada-Nya. Kalau tidak semuanya, sebahagian daripadanya telah ALLAH kabulkan. Ini melegakan hati kita. Ia juga merupakan nikmat ALLAH.

7. Kalau ada masalah atau datang ujian-ujian hidup, kepada ALLAH-M kita meminta penyelesaian. Bayangkan kalau ALLAH tidak ada, di mar&ah kita hendak mengadu? Kalaupun ALLAH tidak menyelesaikan semua urusan kita, sekurang-kurangnya sebahagian daripadanya. Adanya ALLAH tempat kita meminta menyebabkan kita mempunyai harapan. Harapan itupun sudah melegakan. Itupun sudah cukup untuk menjadikan kita orang yang tidak berputus asa. Harapan itu mengurangkan tekanan jiwa.

8. Kalau kita diberi kesenangan oleh ALLAH, ALLAH bermaksud agar kita banyak membuat kebaikan kepada manusia. Supaya dengan itu kita dapat pahala yang banyak di sisi ALLAH di Syurga kelak.

9. Kalau ALLAH menguji kita dengan sakit, miskin, bencana alam dan kejahatan manusia (tohmah, fitnah dan sebagainya), itu kerana ALLAH ingin menghukum kita di dunia ini di atas kesalahan kita supaya kita terlepas daripada hukuman-Nya di Akhirat yang maha dahsyat. Sebab itu kalau manusia faham, dia akan tenang menghadapi ujian itu. Tetapi sebaliknya jika dia tidak faham maksud di sebalik ujian itu, kemudian dia tidak sabar, maka dia akan menghadapi dua kesusahan. Pertama, kesusahan kerana ujian yang menimpa. Kedua, susah hati kerana kesusahan itu.

10. ALLAH telah mencipta manusia makhluk yang lebih mulia dan sempuma daripada haiwan dan kayu-kayan dengan diberi-Nya akal fikiran. Dengan akal, manusia dapat ilmu dan mampu menguasai makhluk lain walau bagaimana besar dan kuat sekalipun makhluk itu.

11. ALLAH jualah yang menggilir-gilirkan malam dan siang agar manusia boleh berehat dan bekerja sesuai dengan fitrah semulajadinya.

Cukuplah sekadar itu senarai nikmat-nikmat yang besar yang kita terima daripada ALLAH. Sebenamya banyak lagi nikmat ALLAH pada kita yang tidak akan terhitung banyaknya seperti firman ALLAH:

وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ

***Jika kamu ingin menghitung nikmat ALLAH nescaya kamu tidak akan dapat menghitungnya.*** q

**(Ibrahim: 34)**

Kalau begitu, lojik sekali dan sudah sewajarnyalah kita mencintai ALLAH. Iaitu dengan cara beriman kepada-Nya,: menyembah-Nya sepertimana yang Dia mahu, tidak seperti yang kita mahu, seterusnya melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya dan meninggalkan semua larangan-Nya: Sebagai bukti cinta kepada ALLAH, buatlah kebaikan kepada semua makhluk Tuhan sepertimana yang Dia kehen-, daki. Justeru dengan itulah kita dikira mengakui dan me-i rasai kehebatan dan keagungan cinta Tuhan!

Cintailah ALLAH. Besarkanlah Dia. Berbahagia dan berhiburlah dengan-Nya melalui ibadah yang telah diberi-' Nya tunjuk ajar kepada kita bentuk dan cara mengerja-; kannya. Walaupun kita tidak melihat-Nya tetapi yakinlah,

Dia Maha Melihat kita. Walaupun kita tidak mungkin dapat menggambarkan-Nya, sebab itulah tidak boleh bahkan menjadi satu kesalahan untuk kita menggambar-garnbarkan ALLAH, tetapi Dia Maha Berkuasa melihat gambaran lahir dan batin diri kita.

Sekali lagi ditegaskan, cintailah ALLAH kerana ALLAH mencintai kita. Inilah sumber kebahagiaan dan ketenangan manusia. Bukan setakat di dunia sahaja bahkan di Akhirat, negara yang kekal abadi. Janganlah kita mengejar cinta yang palsu iaitu cinta makhluk saja. Tapi kejarlah cinta yang hakiki, yang kekal abadi iaitu cinta Tuhan yang Maha Mencipta kita kerana cinta ALLAH-lah sumber segala kebahagiaan dan ketenangan. Cinta ALLAH kekal abadi dan hakiki.

# —Penutup—

DALAM PENUTUP buku ini, ingin saya tegaskan bahawa kasih sayang' adalah hak asasi manusia yang batiniah. Ia adalah tuntutan semulajadi roh atau jiwa. Dan ia merupakan kunci kebahagiaan yang kedua untuk semua manusia selepas iman sebagai kunci kebahagiaan manusia yang pertama dan utama.

Tapi malangnya pejuang-pejuang hak asasi manusia hari ini tidak pun memasukkan kasih sayang dalam perkara yang mereka perjuangkan. Apatah lagi meletakkan kasih sayang sebagai dasar perjuangan mereka. Bahkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sekalipun tidak pernah mengkanunkan dan tidak pernah memperjuangkan kasih sayang dalam agenda perjuangannya. Sebab itulah perjuangan PBB hingga kini gagal memberi kedamaian dan keamanan kepada dunia. Namun di sinilah keistimewaan agama Islam. Yang mana Islam sangat mengutamakan kasih sayang bahkan mewajibkan umatnya mewujudkan dan memperjuangkan kasih sayang dalam kehidupan mereka.

Tapi malangnya umat Islam hari ini sudah tidak dapat lagi mewujudkan kasih sayang, sekalipun ulama-ulamanya, kerana pengajian mereka sudah terpengaruh dengan pengajian sekular. Ulama-ulama ini hakikatnya sama sahaja dengan golongan yang menggelar diri mereka pejuang hak asasi manusia yang kononnya jaguh dalam pembelaan hak-

hak kemanusiaan tetapi hingga kini di kalangan mereka sendiri pun tidak wujud kasih sayang.

Akibatnya nasib dan keadaan umat Islam sama sahaja dengan orang lain. Di sini dapat kita simpulkan, bahawa dari pengalaman hidup, siapa sahaja di kalangan manusia yang tidak mendapat kasih sayang, hilanglah kebahagiaan dan keharmonian hidupnya. Maka di waktu itu harta yang banyak, kebun yang luas, kuasa yang besar, wajah yang cantik, badan yang gagah, kemewahan yang ada, tidak memberi erti apa-apa lagi. Tetaplah manusia itu hidup kosong, sepi dan penuh kekecewaan.

Gambarkanlah, betapa mereka yang hidup mewah pun, kalau hidup tanpa mendapat kasih sayang sudah begitu buruk nasibnya, apatah lagi kalau seseorang itu papakedana, lebih-lebih lagilah parah nasibnya.

Oleh kerana kasih sayang tidak wujud lagi di dunia hari ini maka manusia satu sama lain hanya berkenalan. Mereka walaupun duduk dalam satu kawasan atau satu keluarga, satu sekolah, satu parti, satu jemaah, tapi rasa terasing antara satu sama lain. Kenal tapi tidak tahu-menahu. Berjumpa tapi bagaikan tidak bertemu. Ada tapi terasa bagaikan tiada.

Tidak ada yang boleh dipanggil kawan di zaman ini. Yang ada hanyalah kenalan. Tidak ada ikatan hati sesama manusia. Yang ada hanya pertemuan. Tidak ada kerelaan. Yang ada hanya rasa terpaksa. Bertemu pun secara terpaksa bila sangat perlu, walaupun hati tidak mahu. Bergaul juga kerana terpaksa, sebab tidak boleh hidup keseorangan. Tapi bila bergaul, hati penuh bimbang. Pemimpin terhadap pengikut terpaksa mengarah. Tapi bila mengarah dapat dirasakan, orang yang kena arah rasa tidak senang. Hati tidak senang menerima arahan tapi fizikal terpaksa menerimanya demi untuk mempertahankan kehidupan.

Oleh itu kita yang hidup di zaman yang dikatakan mo-

den dengan peralatan yang serba canggih ini, hakikatnya seolah-olah berada di tengah hutan belantara. Penuh takut dan penuh ngeri.

Mengapa saya katakan begitu? Sebab kita sentiasa dirasuk bimbang sebagaimana orang yang berada di -tengah hutan belantara yang penuh bahaya. Terasa hati sentiasa sahaja diburu ketakutan. Bilakah lipan hendak menggigit? Bila nyamuk hendak menyerang? Bila penyengat hendak menyerbu? Bila ular hendak mematuk? Bila semut hendak menggigit? Bila harimau hendak menerkam? Bila babi hendak menyodok? Bila gajak hendak melanyak? Bila pula masanya punggur kayu hendak jatuh? Bila pula masanya pokok hendak tumbang?

Aduh, betapa seksanya. Hidup di zaman moden yang kononnya serba canggih tetapi bermacam-macam perasaan negatif seperti takut, bimbang dan ngeri sentiasa menyerang, sama seperti hidup di tengah hutan belantara! Begitulah apa yang dirasai oleh kebanyakan manusia hari ini. Daripada orang kecil hinggalah orang besar, daripada rakyat jelata hinggalah kepada pemerintah, daripada si miskin hinggalah kepada si kaya, daripada si jahil hinggalah orang pandai, daripada kuli hinggalah raja. Ramai manusia yang sudah jemu hidup di dunia ini. Mereka ingin lari ke dunia lain. Tapi sudah tentu... tidak ada dunia lain selain burni tempat kita berpijak ini!

Oleh itu mereka yang tidak tahu hakikat Akhirat dan mati, akan bunuh diri. Mereka sangka dengan mati, selesai masalah. Tapi sebenamya dengan bunuh dir-i bererti mereka lari daripada penderitaan yang maha kecil kepada penderitaan yang maha besar. Mereka lupa bahawa di Akhirat, Neraka yang seksanya maha azab dan maha pedih sedia menunggu. Di dunia tidak ada keamanan, di Neraka lebih-lebih lagi. Di sanalah tempat yang paling tidak aman.

Saya menyeru di penutup buku ini kepada semua ma-

nusia tidak kira apa bangsa, golongan serta agama mereka, marilah kita cari jalan keluar. Iaitu keluar daripada hidup yang derita tanpa kasih sayang kepada hidup bahagia berteraskan kasih sayang. Yang paling baik dan paling utama, marilah kita hidup berteraskan iman.

Tentu ada jalan penyelesaiannya kalau kita ingin keluar daripada kemelut ini kerana ALLAH adalah Tuhan yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Dia yang menjadikan dunia ini dan Dialah yang menjadikan kita hamba-hamba-Nya. Tentulah. Tuhan telah merentang jalan-Nya untuk kita tempuh dan lalui.

Malangnya, walaupun jalan Tuhan begitu jelas dan terang, ramai manusia tidak dapat mengesannya. Kalaulah manusia dapat mengesannya, tentu mereka sudah menemuinya dan akan terus berjalan di situ. Justeru di jalan itulah kebahagiaan di dunia dan di Akhirat.

Sekian. Moga-moga buku ini menjadi panduan untuk kita bersama. Dan moga-moga ALLAH menunjukkan jalan-Nya kepada kita kerana di situ sahajalah keselamatan.

Kepada-Mu Tuhan, aku memohon ampun jika didapati sewaktu aku menulis buku ini terselit tujuan peribadi, bukan kerana mengharap keredhaan-Mu semata-mata. Dan juga jika didapati ilmu yang dipersembahkan ini tidak tepat sepertimana yang Engkau kehendaki. Tapi sekadar inilah yang termampu oleh hamba-Mu yang dhaif ini. Terasa sungguh banyak kekurangannya. Namun ya Allah, aku merayu janganlah kerana kekurangan itu, Engkau bertindak kepadaku. Ampunkanlah dosaku, kerana Engkau Maha Pengampun, Maha Pengasih dan Maha Penyayang.

# *Indeks*

# LAMPIRAN

SENARAI BUKU-BUKU
KARANGAN ABUYA SYEIKH IMAM ASHAARI MUHAMMAD

1. Di Ambang Pintu Kiamat ***(anrologi sajuk)*** 1976
2. Pimpinan Ummah 1977
3. Cahaya ***(unrologi sujuk)*** 1977
4. Ibadah Menurut Islam ***1980***
5. Pembimbing Mukmin Hari Ini 1981
6. Bangunakan Aqidah Yang Benar 1981
7. Aturkan Hidup Kita Menurut Syariat 1981
8. Apa Itu Masyarakat Islam 1981
9. Ke Arah Membangunkan Negara dan Masyarakat Islam 1981
10. Huraian ke Arah Membangunkan Negara dan Masyarakat Islam 1981
11. Huraian Apa Itu Masyarakat Islam 1981
12. Bergembiralah dengan Al Quran dan Sunnah 1981
13. Falsafah ke Arah Menyelesaikan Masalah Hidup Menurut Islam 1982
14. Di Antara Rintihan & Harapan ***(unrofogi sujak)*** 1983
15. Iman dan Persoalannya 1983
16. Yang Tersirat Disurat 1983
17. Inilah Jalan Kita 1984
18. Bersatu Menurut Islam 1984
19. Matlamat Perjuangan Menurut Islam 1984
20. Kemerdekaan Menurut Islam 1984
21. Keindahan Islam (cerumah) 1985
22. Hidup Menurut Pandangan Islam (cerumah) 1985
23. Pembahagian Manusia di Akhirat (cerumuh) 1985

24. Bagaimana Rasulullah Mengubat Penyakit Masyarakat (cerumuh) 1985
25. Keindahan dan Kebesaran Sembahyang (cerumah) 1985
26. Mengenal Diri Melalui Rasa Hati 1985
27. Selamat Tinggal Duniaku (novel karya bersama Ustazah Khadijah Aam) 1985
28. Kesedaran (ant&@ sujak) 1985
29. Madah Hatiku (untologi madah) 1986
30. Aurad Muhammadiah Pegangan Darul Arqam 1986
31. Curahan Kasih Sayang *(cerumuh)* 1986
32. Berakhlak (cerumuh) 1986
33. Kembara Membuktikan Kebenaran Al Quran (karya bersama Ustaz Fakhrurazi Ashaari dan Ustazah Khadijah Aam) 1987
34. Bahaya Syiah 1987
35. Krisis dan Jalan Penyelesaiannya 1987
36. Siapa Mujaddid Kurun Ke-15? 1987
37. Inilah Pandanganku 1988
38. Hatiku Bermadah Lagi *(untologi madah* 1988
39. Kenapa Salahkan Musuh 1988
40. Berhati-hati Membuat Tuduhan 1989
41. Renungan Untuk Mengubah Sikap 1990
42. Yang Dirindu *(untologi sujuk)* 1990
43. Pembangun Jiwa dan Fikiran Ummah 1990
44. Inilah Sikap Kita 1990
45. Pendidikan Rasulullah 1990
46. Perang Teluk: Islam Akan Kembali Gemilang 1991
47. Langkah-Langkah Perjuangan 1991
48. Aqidah Mukmin *Siri I* 1991
49. Manusia Tidak Memiliki dan Tidak Dimiliki 1991
50. Konsep Kesederhanaan Menurut Islam 1991
51. Aqidah Mukmin *Siri 2* 1991
52. Ulama Menurut Pandangan Islam 1992
53. Falsafah Perlaksanaan Hukum Hudud dalam Masyarakat 1992
54. Barat di Ambang Maut 1993
55. Jadual Allah Untuk Umat Islam 1993
56. Keadilan Menurut Islam 1993
57. Meninjau Sistem Pemerintahan Menurut Islam 1993
58. Aqidah Mukmin *Siri 3* 1993
59. Presiden Soeharto Ikut Jadual Allah 1993

60. Assalamualaikum Datuk Sri PM 1993
61. Falsafah Kemiskinan dan Jalan Penyelesaiannya Menurut Islam 1993
62. Kasih Sayang Kunci Perpaduan Sejagat 1994

**Siri Terjemahan Bahasa Inggeris**

1. Worship In Islam 1989
2. The Scription of Hidden Knowledge 1990
3. Life According to Islam 1990
4. This Is Our Way 1990
5. The West on the Brink of Death 1992
6. Love & Care: Key to Universal Unity 1994

**Siri Terjemahan Bahasa Thai**

1. *Iman dan Persoalannya* *1991*

**Siri Versi Indonesia**

1. Perang Teluk: Islam Akan Kembali Gemilang 1991
2. Presiden See-harto **Ikut** Jadual Allah 1993

**Kasih sayang** adalah rasa sejagat. Ia meletakkan manusia sebaris tanpa mengira agama, bangsa dan negara. Jalinan rasa ini jika berlaku akan membuat manusia berpadu dan bertimbang rasa. Ini sewajarnya berlaku kerana kasih sayang adalah hak asasi batiniah setiap jiwa. Inilah punca keamanan, keharmonian dan kebahagiaan pada dunia.

**Tetapi dunia kini** sudah diselubungi krisis, pergaduhan dan peperangan. Hidup nafsi-nafsi dan benci-membenci telah meletakkan manusia seolah-olah dalam Neraka. Hubungan ibu bapa dengan anak, suami dengan isteri, guru dengan murid, pemimpin dengan rakyat telah hancur kerana tidak adanya kasih sayang.


**Ke mana dan bagaimana** manusia boleh mendapat penyelesaian ketika sudah ternyata badan-badan dunia, pemimpin negara dan ahli-ahli agama menemui jalan buntu untuk membina kembali rasa kasih sayang?

**Buku ini** menunjukkan jalan praktikal dan global ke arah mewujudkan semula kasih sayang pada diri, keluarga, masyarakat dan negara tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, budaya dan warna kulit. Abuya Syeikh Imam Ashaari Al Tamimi telah mencungkil dan menyuburkan kembali fitrah semulajadi manusia untuk hidup berkasih sayang.

**Alangkah indahnya** hidup ini jika anda benar-benar menghayati dan akhirnya memberi dan menerima:

**Kasih Sayang Kunci Perpaduan Sejagat**

ISBN 983-810-024-2




| | |
|---|---|
| Malaysia | RM10.00 |
| Singapura | S$10.00 |
| Brunei | B$10.00 |
| Thailand | 100 Baht |
| Indonesia | Rp 6,000 |